



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHD ROBY BIN JAFFAR  
SENI DIKIR BARAT**

**OLEH:**

**AMIR BRAIM BIN RIZAL BRAIM 2022913025  
NURUL IZZAH NATASHA BINTI MOHAMMAD SHAHABUDDIN 2022780207**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHD ROBY BIN JAFFAR  
SENI DIKIR BARAT

OLEH:

AMIR BRAIM BIN RIZAL BRAIM 2022913025  
NURUL IZZAH NATASHA BINTI MOHAMMAD SHAHABUDDIN 2022780207

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T yang telah memberi peluang kepada kami untuk mengharungi hari-hari ke arah menyiapkan tugas ini, Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604). Terima kasih diucapkan kepada Puan Nurulannisa Abdullah atas tunjuk ajar dan nasihat beliau untuk kami menyiapkan tugas ini. Kami amat bersyukur kerana diberi peluang untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya dalam masa yang ditetapkan. Melalui kerja ini ia membantu untuk membina kemahiran kami dalam melakukan penyelidikan dan sumbang saran idea.

Selain itu, kamu juga ingin berterima kasih kepada Encik Mohd Roby bin Jaffar kerana memberi kami peluang untuk melaksanakan tugas ini dalam memberikan banyak maklumat yang sangat berharga melalui sesi temubual yang telah dijalankan di, Bachok Kelantan. Beliau memberikan kami maklumat yang lengkap untuk memastikan maklumat yang kami inginkan diterima dengan mudah.

Seterusnya, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Akhir sekali, kami berdedikasi khas untuk ahli keluarga kami, terima kasih banyak atas kasih sayang dan sokongan mereka.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan bersama ahli lembaga Koperasi Dikir Barat, Kelantan iaitu Encik Mohd Roby bin Jaffar atau dikenali sebagai Encik Roby Wisma untuk mengetahui tentang pengalaman beliau sebagai tokoh dalam seni dikir barat. Temubual ini telah dijalankan di rumah beliau iaitu di Kampung Rengas Badak, Bachok Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 23 Jun 2023 bermula pada jam 9.30 pagi hingga 11.46 pagi. Encik Roby Wisma mula bergiat dengan seni dikir barat bermula pada tahun 1991 dan menjadi ahli lembaga Koperasi Dikir Barat pada tahun 2013 sehingga kini. Dalam bidang dikir barat, Encik Roby Wisma melibatkan diri sebagai penulis lirik lagu-lagu nyanyian dikir, penyanyi dikir barat, jhoro dikir, tukang karut dan menjadi juri pertandingan dikir barat. Bidang yang paling lama dan aktif diceburi oleh beliau adalah sebagai tukang karut yang mana semuanya spontan dan tidak melibatkan skrip yang perlu ditulis. Pengalaman dan keaktifan Encik Roby Wisma dalam seni dikir barat telah memberikan sumbangan yang berharga kepada perkembangan dan promosi seni tradisional ini. Beliau adalah seorang tokoh yang berbakat dan berdedikasi dalam menjaga dan memperkukuh warisan dan keaslian budaya Kelantan melalui seni dikir barat.*

**Kata kunci:** *Dikir Barat, lirik lagu, tukang karut, juri, budaya*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	iv
Abstrak.....	vi
Isi Kandungan.....	viii
Biodata Tokoh.....	x
Pengenalan.....	xii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian 2: Pendidikan.....	10
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya Semasa.....	16
Bahagian 4: Pengalaman Kerja Sebagai Seniman Dikir Barat.....	24
Bahagian 5: Sumbangan dan Pencapaian.....	36
Bahagian 6: Cabaran.....	43
Bahagian 7: Harapan dan Pendapat.....	50
Diari Kajian.....	54
Senarai soalan.....	56
Lampiran	
Surat Perjanjian.....	72
Gambar.....	73
Indeks.....	74



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



**Nama** : Mohd Roby bin Jaffar  
**Umur** : 65 tahun  
**Tarikh Lahir** :  
**Pekerjaan** : Penolong Juruaudit Kanan di Jabatan Audit Malaysia  
**Tempat Tinggal** : Bachok Kelantan  
**Kampung Asal** : Ketereh Kelantan  
**Nombor Telefon** :

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Seni dikir barat merupakan satu seni tradisional yang kaya akan budaya dan nilai-nilai lokal di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan. Seni ini memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan identiti budaya dan kesenian masyarakat Melayu. Dalam usaha untuk memahami lebih lanjut mengenai seni dikir barat, kami telah menjalankan temubual dengan seorang individu yang telah aktif dalam bidang ini, iaitu Encik Roby Wisma. Encik Roby adalah seorang seniman dikir barat yang berpengalaman, telah melibatkan diri dalam seni ini sejak tahun 1991.

Encik Roby menceritakan bahawa beliau mula melibatkan diri dalam seni dikir barat pada tahun 1991 semasa beliau terlibat dalam Sukan Audit Semalaysia di Johor. Setelah itu, beliau aktif dalam persembahan dikir barat dan belajar untuk menjadi seorang pengadil dalam pertandingan dikir barat. Pengalaman beliau dalam dikir barat tidak datang tanpa cabaran. Pada awalnya, beberapa orang menentang dan mengharamkan seni ini. Namun, dengan usaha beliau dan sokongan tokoh-tokoh agama setempat, pandangan terhadap dikir barat semakin positif. Encik Roby menjalani peranan sebagai pengadil dalam pertandingan dikir barat dan juga turut menjadi mentor bagi beberapa kumpulan dikir barat.

Sebagai seorang seniman dikir barat, Encik Roby telah berjaya menyumbang kepada perkembangan seni dikir barat dengan aktif menjadi pengadil dalam pertandingan dan turut memberi tunjuk ajar kepada generasi muda yang berminat. Beliau turut mencipta beberapa lagu yang mendapat sambutan hebat dari masyarakat, termasuk lagu "Cokek Mak Bolok." Penglibatan beliau dalam seni tradisional ini telah memberi sumbangan yang berharga dan mendapat sambutan yang baik dari masyarakat. Seni dikir barat terus hidup dan berkembang.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Berikut adalah merupakan rakaman temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam seni dikir barat. Bersama-sama kami ialah Encik Roby Wism yang merupakan seorang Tukang Karut Dikir Barat dan penulis lirik. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 23 Jun 2023 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 9.30 pagi bertempat di rumah beliau yang terletak di Bachok, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Amir Braim bin Rizal Braim dan Nurul Izzah Natasha binti Mohammad Shahabuddin. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

RW: Encik Roby Wisma

AB : Amir Braim

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**AB : Assalamualaikum Encik Roby, apa khabar?**

**RW : Waalaikumussalam, khabar baik.**

**AB : Alhamdulillah, jadi untuk segmen yang pertama ni kita buat *simple* [mudah] je [sahaja] kita akan mulakan dengan segmen yang pertama iaitu latar belakang Encik Roby. Jadi soalan yang pertama ialah apakah nama penuh Encik Roby.**

**RW : Nama penuh saya ialah Muhammad Roby bin Jaafar.**

**AB : Roby bin Jaafar. Okay baiklah. Jadi, boleh kami tahu kenapa Encik Roby memilih Roby Wisma sebagai nama *glamour* [terkenal]?**

RW : Dia sejarahnya saya berkawan dengan Zul. Zul, Zul dan saya sama-sama bekerja di Pejabat Wisma Persekutuan. Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Kelantan Wisma Persekutuan. Jadi, bila saya dan Dato' Zul pergi berjumpa dengan Tok Osman Wau Bulan, Osman Wau Bulan ni merupakan tokoh number satu dikir barat Kelantan.

**AB : Tok ngah?**

RW : Tok ngah Osman Wau Bulan, nama dia Osman Wau Bulan. Pi [pergi] belajar la dengan dia. Tok Ngah Osman, bagi nama kepada Dato' Zul, sekarang ni Dato' dulu tak Dato'. Dia bagi nama Zul Wisma. Jadi lepas daripada itu, kami jadi macam selalu pergi berfikir sana pergi dikir *last-last* [akhirnya] sekali orang panggil saya Roby Wisma. Nama saya Roby Wisma dipanggil oleh orang ramai kerana saya berjalan dengan Zul, Zul Wisma, Roby Wisma, Zul Wisma jadi macam kembar. Nama Zul Wisma tu [itu] diberi oleh Almarhum Tok Osman Wau Bulan. Osman Wau Bulan kata nama *you* [awak] ni nama awak ni kita bagi nama Zul Wisma sebab kerja wisma. Tapi, sayanya bukan saya nak nama tu [itu] tapi orang panggil sampai sekarang orang panggil saya Roby Wisma. Itulah sejarahnya (senyum).

**AB : Baik, baik terima kasih. Jadi yang ketiga apakah nama gelaran Encik Roby dikalangan ahli keluarga ataupun rakan rakan?**

RW : Dikalangan ahli keluarga yang muda-muda di panggil saya Pok Nik, Pok Nik Roby, tapi di pejabat kawan-kawan pejabat dia panggil saya Abang Mat.

**AB : Abang mat?**

RW : Kerana nama saya Mohd Roby dia tak [tidak] suka sebut perkataan Roby dia suka perkataan mat jadi di pejabat orang panggil abe mat. Tambah-tambah bila dipejabat saya suka buat lawak Samad, Said, Wakyok jadi “Ha abe mat mari” (ketawa) tu [itu] dia.

**AB : Baik, baik. Jadi, soalan yang seterusnya bilakah tarikh lahir Encik Roby?**

RW : Tarikh lahir saya ialah pada 20 haribulan 10 tahun 1958. Sudah 65 tahun umur sekarang.

**AB : Okay, jadi sekarang ni kita ada di Bachok jadi dimanakah Encik Roby dilahirkan dan dibesarkan dan dimanakah encik menetap sekarang? Itulah tapi kita tahu di Bachok tapi dimanakah encik dilahirkan dan dibesarkan?**

RW : Saya, kampung asal saya, kampung asal saya ialah Kampung Patek Kadok, Kota Bharu Kelantan. Satu kampung yang terpencil didalam Daerah Kota Bharu. Jadi, saya dilahirkan di kawasan kampung lah. Saya bersekolah pun peringkat awalnya di sekolah kampung lepas itu masuk sekolah menengah di Bandar Kadok di Pekan Kadok. Tapi, masa tingkatan empat dan tingkatan lima saya belajar di Kota Bharu sebab masa tu [itu] cerdik sikit masuk Sekolah Menengah Ismail Petra masa tu [itu] jadi berpindah ke Kota Bharu.



**AB : Okay, baik. Jadi berapakah bilangan adik beradik dan encik merupakan anak yang keberapa?**

RW : Adik beradik saya semuanya sembilan [9] orang. Saya merupakan anak yang nombor tiga [3].

**AB : Nombor tiga [3], baik. Jadi seterusnya bolehkah encik cerita serba sedikit mengenai keluarga encik secara ringkas? Keluarga yang sekarang.**

RW : Sekarang? Saya, keluarga saya sekarang adalah merupakan keluarga baru bagi saya.

**AB : Keluarga baru?**

RW : Dulu, saya telah berkahwin dan mempunyai tiga [3] orang anak tapi takdir telah menentukan isteri saya sudah meninggal dunia. Jadi, pada tahun dua puluh tujuh belas [2017], saya ada jodoh baru jadi saya ada keluarga baru lah sekarang. Ada isteri baru dan ada anak-anak tiri yang baik hati.

**AB : Jadi, okay baik. Jadi adakah anak encik masih tinggal bersama ataupun telah berpindah ataupun menetap di luar?**

RW : Anak-anak saya semuanya sudah besar panjang. Yang tiga [3] orang tu [itu] semua dah berkerja jadi, masing-masing mengikut tugaslah. Yang anak nombor satu [1] duduk, tinggal di Selangor kerja di MARDI [Institut Penyelidikan dan Pertanian Malaysia]. Yang nombor dua [2] tinggal di Putrajaya kerja di Jabatan

Keselamatan dan Kesehatan Pekerja. Yang nombor tiga [3] baru dapat balik Kelantan, kerja di Hospital Tanah Merah. Jadi, yang nombor tiga [3] tu [itu] selalulah ada kat rumah tapi diorang bukan menetap disini sebab dia duduk rumah sewa di Tanah Merah. Cuma yang ada sekarang dekat dekat saya ni yang sentiasa ulang alik bersama ialah anak-anak tiri saya. Anak tiri saya ada empat [4] orang. Itulah yang dapat selalu apa orang kata ulang alik, bawa pergi mari, saya sakit bawa pergi hospital bertumpang anak tiri (ketawa).

**AB : Baiklah, jadi adakah ibu bapa encik masih ada, jika ada dimanakah tempat tinggal mereka tapi jika sudah tiada saya minta maaf. Boleh saya tahu tahun berapakah mereka tiada?**

RW : Ayah saya telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1982 masa tu [itu] saya baru sahaja dapat kerja. Dapat kerja Kuala Lumpur, pergi Kuala Lumpur sebulan, belum dapat gaji lagi orang telefon ayah meninggal. Ibu saya masih ada lagi sampai sekarang dan umurnya sudah dekat sembilan puluh [90] tahun. Alhamdulillah ibu saya masih lagi sihat

**AB : Jadi, ibu Encik Roby ada dekat mana sekarang?**

RW : Ibu saya sekarang berada di kampung asal iaitu Kampung Patek Kadok.

**AB : Kota Bharu?**

RW : Kota Bharu, Kelantan.

**AB : Baik, baik. Jadi, okay kita akan ke soalan seterusnya. Apakah hobi kegemaran Encik Roby pada waktu lapang sekarang?**

**RW :** Kalau nak dikirakan dengan hobi, banyak hobi saya, sebab saya ni [ini] masa kecik-kecik [kecil-kecil] dulu dilatih dan diajar oleh ayah saya dalam kerja-kerja mekanik, saya apa ni [ini] selalu, bukan selalu masa kecik [kecil] dulu memang kerja saya baiki motosikal masa tu [itu] motosikal yang lama-lama lah macam *Honda Kart 50, Bentley, Nothern* yang lama-lama tu, saya terlibat dengan benda tu [itu]. Sampai, traktor pun saya baiki, traktor yang buat, tanam padi, mesin padi. Mesin masa tu [itu] padi mesin pun saya baiki lepas tu [itu] saya belajar baiki jam lepas tu [itu] lepas saya kerja saya belajar pula baiki tv [televisyen], radio, macam-macam. Jadi, kalau nak kira dengan hobi tu banyak sangatlah. Semua benda saya boleh buat, macam sekarang ni walaupun dah uzur tua pun kadang-kadang terpaksa baiki moto air la, baiki kereta anak la. Kadang-kadang panjat baiki lampu la. Jadi, kalau nak kira makna saya tidak kesunyian dengan aktiviti.

**AB : Baik, baik. Terima kasih. Jadi, soalan seterusnya adakah cita-cita encik sejak kecik sudah ingin menjadi seorang penyanyi ataupun lain? Seorang tukang karut.**

**RW :** Berkenaan dengan dikir barat ni [ini] sebenarnya saya sejak daripada kecik [kecil] saya memang minat dikir barat, saya minat Mak Yong saya minat Wayang Kulit jadi saya selalu kalau ada persembahan kampung-kampung saya selalu pergi. Walaubagaimanapun saya tidak ada satu satu pun cita-cita satu impian nak jadi seperti mereka ni [ini] tetapi takdir tuhan menentukan jabatan tempat saya kerja

yang memaksa saya supaya buat satu persembahan di Johor masa Sukan Audit Se Malaysia dalam tahun sembilan belas sembilan puluh satu [1991].

**AB** : 1991?

**RW** : Sukan Audit Se Malaysia di Johor. Saya dipaksa, dipaksa oleh bos supaya buat persembahan. Oleh kerana itu, kita *training-training* [belajar]. Dia sebenarnya dikir barat ni [ini] bukan senang, tengok senang bila nak buat susah jadi kita terpaksa juga panggil guru yang mengajar. Kita panggil lah masa tu tok guru yang tak *glamour* [terkenal] belajar, buatlah. Kira apa ni [ini] *simple-simple* [mudah] saja pergi buat persembahan di Johor. Bila lepas persembahan tu [itu] di Johor sebenarnya saya pertama kali saya kenal Zul.

**AB** : Oh!

**RW** : Zulkipli Mohamad ini masa tu [itu] dia kerja di Kolumpo [Kuala Lumpur] dia lawan saya.

**AB** : Oh lawan?

**RW** : Dalam dikir barat, pertama kali kita dah lawan. Lepas pertandingan, dalam setahun dua dia dapat *transfer* [tukar] Kelantan. Bila dia dapat *transfer* [tukar] Kelantan, oleh kerana minat dia yang dalam, dalam dikir barat ni [ini] lebih kuat. Dia yang ajak saya pergi jumpa dengan Seman Wau Bulan. Dia yang nak belajar, saya ikut ja [sahaja]. Sebab tu [itu] dia dapat nama Zul Wisma, saya dapat nama Roby Wisma. Dia belajar dikir saya ikut dia. Akhir sekali, oleh kerana kita terlibat

dengan persembahan-persembahan, tempat beli tiket. Jadi kita jadi laku-laku kerana itu kita takleh [tidak boleh] nak berhenti, takleh [tidak boleh] nak berhenti. Persembahan sana, persembahan sini, jabatan sendiri pun macam-macam. Oleh kerana itu, sampai sekaranglah saya jadi macam ni [ini] lah. Saya memang bukan dalam hati aku ni [ini] nak jadi orang dikir barat, nak jadi *glamour* [terkenal]. Sebab tu [itu] saya tak buat kaset, saya tak buat rakam apa ni [ini], saya gini [brgini]. Saya tak nak pun, susah *glamour* [terkenal] kita pun ada kerja, jadi saya lebih mementingkan kerja saya dalam Jabatan Audit Negara daripada ni [ini] dikir barat. Tetapi oleh kerana hasrat orang ajak jadi terpaksa tapi itulah sebenarnya pendirian saya dan cara saya dengan dikir barat.

- AB : Baik okay. Jadi soalan saya yang terakhir untuk segmen yang pertama iaitu latar belakang Encik Roby iaitu apakah prinsip hidup Encik Roby?**
- RW : Prinsip hidup saya kita mesti buat sesuatu yang betul dan hidup ini biarlah berjasa.**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN**

**AB : Baiklah, untuk segmen yang kedua berkenaan dengan latar belakang pendidikan Encik Roby. Jadi yang pertama, untuk bahagian yang seterusnya ni [ini] saya nak tahu boleh encik ceritakan sedikit tentang pendidikan awal seperti dimanakah Encik Roby menerima pendidikan di sekolah dan pada tahun berapa?**

**RW :** Di peringkat awal saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kubang Kiat. Sebuah sekolah yang berdekatan dengan kampung saya. Daripada darjah satu [1] tahun Sembilan belas enam puluh lima [1965] (sendawa) darjah satu [1] sampai darjah enam [6] sembilan belas tujuh puluh [1970]. Enam [6] tahun bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kubang Kiat. Tahun 1971 sampai 1973 saya bersekolah di Sekolah Menengah Rendah SMR Kaduk. Masa tu [itu], sekolah menengah rendah ni [ini] dia petang, pagi sekolah kebangsaan sekolah yang sama petang. Selepas saya lulus SRP Sijil Rendah Pelajaran, masa tu [itu] merupakan apa, kita termasuk dalam golongan pelajar-pelajar yang terbaik. Saya apa ni [ini] mendapat tawaran untuk belajar di aliran sains jadi daripada Kadok dihantar seramai lebih kurang 20 orang. Daripada Kadok belajar di Sekolah Menengah Ismail Petra Kota Bharu. Makna sekolah aliran sains, jadi disitulah saya ambil apa ni [ini] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] dalam aliran sains lah. Tapi, bila berubah daripada kampung pergi ke bandar saya lebih cenderung kepada tengok wayang, lebih cenderung kepada cerita-cerita Hindustan bahkan saya boleh hafal lagu-lagu Hindustan, boleh belajar Bahasa Hindustan, boleh bercakap Hindustan, boleh faham Hindustan sampai lupa sekolah masa tu [itu] menyebabkan saya SPM [Sijil

Pelajaran Malaysia] cuma dapat Gred tiga [3] aliran sains. Jadi, selepas SPM nak belajar balik nak sambung balik masa tu [itu] belum ada sekolah swasta yang aliran sains. Jadi, saya pun berhenti sekolah, duduk kat [dekat] kampung. Masa duduk dekat kampung ni banyak buat kerja-kerja kampung tanam padi, apa tu [itu] saya kata baiki apa enjin apa semua tapi tahun 19 apa ni Sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977] saya terfikir saya pun cuba la belajar ambik STP [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] jadi saya belajar sendiri ja [sahaja], cari kawan-kawan yang ambik STP [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia], cari cikgu-cikgu kat kampung takdak [tiada] duit masa tu [itu]. Saya belajar saya baca, saya amik tahun 1979, 1979 saya amik STP [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] nasib baik dapat sijil penuh. Jadi, dengan sijil STP [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] itulah saya pohon kerja sebagai pemeriksa kira-kira dalam Jabatan Audit Negara, nasib baik dapat.

**AB : Baik, terima kasih. Jadi seterusnya adakah pendidikan dalam keluarga encik penting kalau jika ya apa perkara yang sering ditekankan dalam pendidikan?**

**RW :** Pendidikan dalam keluarga memang penting walaupun bagaimanapun seorang mak ayah ni [ini] sebenarnya sepatutnya dia sendiri yang jadi contoh. Macam saya kecik-kecik [kecil] dulu, ayah saya selalu menekankan “Mung kena belajar mu jange duk main wayang kulit”. Dia tau [tahu] saya minat, dia pun minat “Mung jangan duk main wayang kulit, mung jangan jadi tok bomoh, belajar”. Ayah saya pun suka ajar kerja-kerja macam kita buat padi macam mana tanam padi macam

mana, kerja nak baiki macam mana. Jadi daripada dia lah kita belajar, jadi bagi seorang bapak kalau sebut didikan macam mana, yang bapak mak la yang main peranan dia kalau dia belajar dia sendiri dia tak cukup, tunjukkan bahawa dia pun ada kebolehan dan minat untuk belajar. Kalau dia asyik tidur je bila dia nak ajar anak, okay?

**AB : Okay, baik. Jadi adakah encik ada memegang sebarang jawatan masa diperingkat sekolah rendah atau menengah?**

**RW :** Di peringkat sekolah, saya merupakan seorang pelajar yang penakut. Jadi, oleh kerana itu saya tidak pernah memegang apa-apa jawatan. Masa tingkatan empat [4] tingkatan lima [5] saya jarang sangat pi [pergi] sekolah saya ponteng, saya takut, dengan orang ramai saya takut sebab itu bila saya bila dah tua ni [ini], bila dah remaja, bila dah tua ni [ini] jadi dikir barat, terkejut kawan-kawan macam mana budak yang penakut sekarang boleh naik pentas.

**AB : Baik, jadi saya tengok dahulu jadi bagaimanakah suasana pembelajaran dan kemudahan yang ada ketika zaman Encik Roby semasa diperingkat sekolah rendah kalau dibandingkan dengan sekarang lah?**

**RW :** Kalau nak dibandingkan antara dulu dengan sekarang banyak perbezaannya, dahulu memang apa ni [ini] pembelajaran tu [itu] lah kita berdasarkan buku-buku kadang-kadang kita boleh beli, kalau tak boleh beli kita belajar berdasarkan buku-buku yang dibekal oleh kerajaan la. Jadi, memang pembelajaran dulu terhad lah, walaubagaimanapun ini ada satu kelebihan, orang orang sekarang ni tak tahu.



Kelebihan kita berada di kampung, kelebihan kita berada dengan orang tua, bila kita banyak bergaul dengan orang tua banyak benda yang kita boleh belajar. Ini sekarang budak-budak tak tahu, tahu buku sahaja, tak boleh. Bergaul dengan orang tua, tanya dia bagaimana cara dia hidup, bagaimana dia belajar, bagaimana dia buat tu [itu], bagaimana dia buat ni [ini] dan pengalaman itu jugak adalah penting untuk membentuk diri kita dan menambah ilmu pengetahuan kita.

**AB : Baik, okay jadi seterusnya adakah encik mempunyai guru kegemaran ketika diperingkat sekolah rendah atau menengah? Boleh encik nyatakan kenapa?**

**RW :** Di peringkat sekolah kebangsaan, saya tidak ada guru yang saya minat walaubagaimanapun saya ada seorang guru yang saya takut (gelak), sekarang ni [ini] dah meninggal dah guru tu [itu]. Nama dia Cikgu Yusuf. Saya takut kerana dia garang tapi oleh kerana kita takut, kelas dia kita masuk. Kita tak pernah ponteng kerana itu kita pandai mata pelajaran yang dia ajar seperti hisab itu maksudnya menghisab, sejarah, matematik. Itu sebab kita jadi pandai.

**AB : Baiklah, jadi seterusnya adakah encik mempunyai sebarang subjek kegemaran, subjek sekolah subjek kegemaran?**

**RW :** Di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah rendah, saya minat pelajaran sejarah.

**AB : Sejarah?**

RW : Dan juga matematik la, apa ni [ini] ilmu hisab. Hisab, sejarah saya minat. Jadi, saya suka membaca lah sejarah, dalam sejarah tu [itu] kadang-kadang kita baca cerita. Tapi, bila saya di aliran sains, saya minat pula dengan kajian hayat. Saya belajar ilmu hayat, saya tinggallah sejarah tu. Tapi oleh kerana aliran sains sebenarnya banyak praktikal, kalau kita tak buat praktikal kita tak pandai. Saya lagi suka membaca dari buat praktik la sebab itulah saya SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tak lulus. Oleh kerana itu saya fikir “Aku ni kena amik STP, sastera”. Jadi saya amik sastera saya belajar sastera saya minat ekonomi pulak. Saya belajar ekonomi, ekonomi sejarah ekonomi sejarah.

**AB : Baik, adakah encik juga menyertai sebarang pertandingan yang berkenaan dengan muzik semasa di peringkat sekolah?**

RW : Tak ada.

**AB : Tak ada. Jadi soalan terakhir untuk latar belakang pendidikan, jadi apakah kenangan manis yang paling di ingati oleh encik ketika di peringkat sekolah?**

RW : Di peringkat sekolah, saya rasa tak banyak kenangan manis kalau, tak ingat la semuanya kenangan sedih, pahit, tak ada kawan cuma sekali aja [sahaja]. Saya dipaksa oleh guru masa sekolah kebangsaan, pidato. Dalam keadaan menggigil pergi dipaksa, ditekan dia kata kamu boleh pidato, suara kamu sedap dia kata. Jadi saya terpaksa masuk pidato, sambil-sambil menggigil pun saya dapat tempat yang kedua dalam pertandingan itulah satu peristiwa yang manis sedikit.

**AB : Baik, itulah soalan terakhir untuk segment kedua iaitu latar belakang pendidikan.**

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA SEMASA

**AB** : Jadi untuk segmen seterusnya iaitu pengalaman kerjaya semasa. Soalan saya yang pertama berdasarkan maklumat yang saya perolehi saya dapati Encik Roby pernah bertugas di Jabatan Audit Malaysia, bolehkah saya tahu serba sedikit tentang perkara tersebut?

**RW** : Berkenaan dengan kerjaya saya sebagai seorang juruaudit, itupun sebenarnya bukan cita-cita. Tak pernah saya terfikir bahawa saya akan jadi sorang juruaudit. Bila, ketika tu [itu] bila menganggur, bila menganggur kita tak ada kerja kita mintak ja [sahaja]. Mintak-mintak [minta], mintak [minta] satu temuduga tak dapat satu temuduga tak dapat. Akhir sekali, saya dipanggil temu duga Jabatan Audit Negara. Jabatan Audit Negara ini sebenarnya kerja-kerja dia adalah sesuai untuk seorang akauntan, saya tidak ada latar belakang akauntan saya rasa saya tak dapat tapi takdir, semuanya takdir, Pergi temu duga, masa temuduga tu [itu] saya bergaduh dengan orang *interview* [penemuduga]. Dia cakap “Awak ni [ini] tak ada, matematik rendah, tak ada perakaunan pasai apa awak mintak Jabatan Audit, pasai [fasal] pa [apa] mintak kerja audit”, saya pun cakap “Awak tahu saya tak layak kerana saya tidak ada akauntan kenapa awak panggil temuduga? Lain kali jangan panggil temuduga, menyusahkan saya, saya daripada jauh daripada Kelantan naik lori”, saya cerita itu macam, saya marah saya *complaint* [aduan], dia cakap boleh kerja audit ni [ini] sebab kerja audit kan tegur orang, siasat, *query* [pertanyaan] dia kata ni [ini] boleh kerja ni [ino] jadi, jadilah. Maka saya diambil kerja sebagai juruaudit. Jadi bila bekerja maklum sajalah benda yang paling sukar bagi saya ialah *accounting* [perakaunan], sebab saya tak ada *basic* [asas]. Jadi

saya minat pun tak ada, tapi walaubagaimanapun kerja, oleh kerana kita nak kerja kita tak mahu ketinggalan dengan orang lain kita terpaksa juga lah, belajar juga *accounting* [perakaunan] cuma kita *basic-basic* [asas] tak tinggi lah tapi nasib baiklah saya bekerja Jabatan Audit Negara sebab Jabatan Audit Negara ni [ini] dia punya *accounting* [perakaunan] dia taklah macam syarikat, tak macam bank. Akaun kerajaan lain, dia terima masuk terima masuk aja [sahaja]. Lepastu kita pun lagi banyak dipanggil kepada benda-benda yang melibatkan undang-undang, audit pematuhan, audit pematuhan ini maknanya kita buat kerja tu [itu] kita pergi satu pejabat kita baca dia punya peraturan dia apa kita *follow* [ikut] ja lah. Awak ikut tak ikut, ikut tak dia punya *system* [sistem] cara ni, ada kebocoran dekat mana, ada tiris di mana senanglah walaubagaimanapun senang tu [itu] kita nak cari kelemahan orang kena banyak belajar banyak *study* [belajar] lah. Jadi dengan bimbingan kawan-kawan, dengan usaha sendiri kemudian bila kita buat kerja kita terlibat dengan orang kita cuba baiki jadi akhirnya saya boleh kekal lah selama 32 tahun. Tapi yang paling unik sekali, unik la bagi saya sebab saya tak pernah ditukarkan saya setahun ja di Kuala Lumpur balik Kelantan terus sampai pencen. Orang lain lima [5] tahun tukar tapi saya tak pernah ditukarkan, itu adalah rahsia dia.

**AB : Jadi, baiklah okay seterusnya apakah jawatan yang disandang oleh encik ketika bertugas di jabatan tersebut?**

**RW :** Di awal tugas, nama jawatan saya ialah pemeriksa kira-kira, pemeriksa kira-kira Jabatan Audit Negara. Selepas itu, entahlah dia jabatan ada perubahan sikit masa

tu [itu] sebab dia masa tu [itu] orang STP [Sijil Tinggi Persekolahan] dia amik [ambil], orang diploma pun dia amik [ambil] jadi yang *geng-geng* [kumpulan] diploma ni *fight* [lawan] berlawan sikit dia mintak gaji tinggi la sebab dia dari diploma. Jadi, akhirnya kerajaan lulus, lulus semua penolong apa ni [ini] bukan pemeriksa kira-kira di bagi semua gaji diploma termasuk la orang STP [Sijil Tinggi Persekolahan] macam saya, untung situ. Jadi lepas tu [itu] apa pertukaran SSB [Sistem Saraan Baru] apa tu [itu] ditukar nama daripada pemeriksa kira-kira ditukar nama kepada Penolong Juruaudit. Jadi jawatan saya penolong juruaudit lah masa tu [itu] dia panggil penolong juruaudit W26.

**AB : W26?**

**RW :** 26, bawah sekali tapi kita boleh amik *exam* [peperiksaan] boleh apa tapi saya tak amik [ambil], saya malas sebab saya tak pandai akaun saya tak amik [ambil] periksa lagipun saya toksey [tidak mahu] tukar sebabnya kalau naik pangkat tukar. Tapi bila lama kerja oleh kerana mungkin lah nasib saya takdir Tuhan bagi, rezeki Tuhan bagi, oleh sebab kecemerlangan saya kerja, saya dapat juga apa ni [ini] jawatan Penolong Juruaudit Kanan dia panggil, W32. Jadi saya bersara pun dengan W32 lah. Saya tak dapat 41 sebab saya tak amik [ambil] periksa tapi saya berjaya juga 32 walaupun saya tak amik [ambil] periksa kerana saya mendapat pengesahan yang baik daripada bos, *recommendation* [cadangan] yang baik daripada bos.

**AB : Okay baik jadi semasa itu berapakah umur Encik Roby ketika itu?**

RW : Masa kerja?

**AB : Masa kerja**

RW : Saya kerja tahun 1982, berapa umur 21 ke? Saya beranak 58, saya tak ingat.

**AB : Baik, baik.**

RW : 21 lah rasa.

**AB : Jadi soalan kedua, soalan seterusnya apakah tanggungjawab encik dan aktiviti yang berkait semasa encik bekerja?**

RW : Tanggungjawab, kalau nak kira dengan tanggungjawab audit ni [ini] sebenarnya satu tanggungjawab yang besar. Tanggungjawab audit ialah untuk memastikan bahawa duit kerajaan tidak tiris, tidak dibazirkan, tidak disalah guna dan tidak berlaku salah guna kuasa dan semua-semua kerja-kerja yang dibuat oleh pihak pihak tertentu ialah mesti mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan kalau peraturan kata macam ni [ini], macam ni [ini] lah kena buat *you* [kamu] tak ada boleh kona kona [menyimpang]. Jadi untuk memastikan benda ni [ini] mengikut saluran, mengikut aturan itulah kerja audit. Audit yang pergi tegur, lapor kepada pihak berkenaan, ini dah seleweng, ini dah hilang, ini tak patut buat macam ni, benda ni [ini] dipersembahkan kepada inilah diangkat kepada parlimen juga. Kalau di peringkat *federal* [persekutuan] laporan audit diangkat kepada parlimen. Kalau di peringkat *state* [negeri] laporan audit diangkat kepada dewan negeri, itu orang politik bahas lah, habis kerja kita.

**AB : Okay baik, jadi seterusnya apakah pencapaian terbesar encik ketika bertugas di Jabatan Audit Negara Malaysia?**

**RW :** Pencapaian saya yang terbesar saya rasa tak ada, macam orang lain jugak. Setiap kali buat kerja kita buat laporan. Cuma yang agak istimewa sikit dalam tahun 1993 kot rasanya, tak ingat sangat tu. Saya, berjaya menulis laporan audit yang tidak ditapis oleh bos. Selalu bos tapis bos buang, boss tapis bos buang ni [ini] dia tengok “Eh ni kamu buat ni baik la” Terus dia amik [ambil] pakai, itu kita kata kejayaan terbaik. Cuma yang saya *glamour* [terkenal] sikit dalam jabatan audit ialah dari segi dikir barat. Buat audit, buat persembahan kena ada dikir barat, kena buat dikir barat. Jadi yang saya rasa *glamour* [terkenal] sekali rasa apa ni [ini] bangga sekali saya pernah berdikir buat persembahan dikir barat dalam parlimen kerana meraikan delegasi asing. Masa tu [itu] dipanggil persidangan ASEAN [Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara] audit, ketua-ketua audit ASEAN [Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara] semua mari, Pakistan mari, India mari. Mana bila bincang audit tu [itu] audit tapi akhir malam persembahan tu [itu] saya buat persembahan, saya nyanyi lagu orang putih, saya nyanyi lagu Hindustan, Dato Zul mengarut dalam Bahasa Inggeris jadi mendapat tepukan gemuruh oleh apa ni [ini] wakil-wakil ketua-ketua audit negara asing, negara luar, negara ASEAN [Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara]. Buat dalam parlimen itu yang saya rasa, tak ada yang boleh masuk parlimen itu yang paling saya bangga sekali dalam audit dalam dikir barat.



**AB : Okay baik jadi adakah sukar ketika Encik Roby bertugas sebagai juruaudit dekat situ?**

**RW :** Kalau dari segi kesukaran, sebenarnya saya tak nampak sangat kesukaran sebab dimana ada keinginan disitu ada jalan. Cuma yang agak sukar bagi saya ialah *accounting* [perakaunan] sebab saya tak ada basic *accounting* [perakaunan] dan saya tak berminat untuk belajar *accounting* [perakaunan] jadi itulah saya rasa sukar sikit. Kalau boleh nak berhenti, nak berhenti tapi pikirkan [fikirkan] anak tapi saya usaha-usaha jugak bolehlah buat kerja tu [itu] cuma itulah bahagian yang sukar, yang lain tak sukar senang je. *Interview* [temuduga] orang senang je, nak cari salah orang senang, nak cari kelemahan orang senang. Tengok je saya bercakap sikit saya tahu “Dia ni tipu aku ni”, kita tahu kita belajar air muka orang senang. Lagipun satu lagi, bila audit kita pergi tempat orang kita ada kuasa lain orang tengok pun orang takut dah, tak macam sekarang. Maksudnya kesukaran saya ialah soal *accounting* [perakaunan] itulah yang sepatutnya penemuduga cakap awak tak ada *accounting* [perakaunan] awak tak boleh kerja audit tapi saya bedal ja saya pergi temu duga bila saya kerja memey itulah kesukaran saya tapi walaubagaimanapun saya boleh atasi sehingga sampai saya bersara daripada jabatan audit.

**AB : Alhamdulillah, jadi soalan seterusnya adakah encik mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang bekerja di jabatan audit?**

RW : Sepanjang saya berkerja di dalam Jabatan Audit, ada satu pengalaman yang saya tak boleh lupakan tapi bukan pengalaman manis. Pengalaman buruk, semasa saya buat auditan dia Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Kelantan. Pada suatu hari tu, saya keluar dari jabatan tu saya ditumbuk orang. Ditumbuk orang saya buat *report* [laporan] polis jadi kes polis, jadi mungkinlah kerana kerja-kerja jugak [juga] kot. Sebab saya tak pernah bergaduh dengan orang luar. Jadi kes ditumbuk, kes macam tu lah yang merupakan satu kenangan yang saya tak dapat lupakan. Rebah terlentang ditumbuk orang besar. Mungkin lah tak tahu lah sebab kerja ke apa tak tahu lah tapi itulah pengalaman yang paling saya tak boleh lupakan sepanjang saya berkerja. Yang lain lain tak ada, kenangan manis dikir barat ja lah, dikir menyanyi sana sini, persembahan itu kenangan manis lah, kemudian ajar budak-budak *training* [berlatih], budak-budak praktikal, bawa pergi jalan budak-budak praktikal kenangan manis la, itu lah yang lain tak ada.

**AB : Okay jadi soalan terakhir untuk segmen kita yang ketiga iaitu pengalaman kerjaya, jadi soalan terakhir saya boleh encik ceritakan sedikit kerjaya sebelum encik ceburi sebelum bekerja di jabatan audit?**

RW : Seperti mana yang saya ceritakan tadi, kerjaya saya diperingkat kampung sebelum kerja audit saya itulah tolong orang kampung, baiki motosikal baiki apa apa kerosakan orang kampung, ada orang ada kereta gala, traktor-traktor rosak, panggil saya, saya pergi baiki, ada lampu-lampu gas, dulu mana ada elektrik, rosak saya baiki, lepas tu [itu] bila masuk elektrik ke kampung, apa-apa pun

kerusakan barang elektrik semua saya yang baiki. Jadi itulah kerja saya, sumbangan saya kepada masyarakat kampung.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJA SEBAGAI SENIMAN DIKIR BARAT

**AB : Jadi bagi seksyen seterusnya, kami akan bertanyakan kepada encik soalan berkenaan dengan pengalaman kerjaya Encik Roby dalam dikir barat, jadi pada tahun berapakah Encik melibatkan diri dalam seni dikir barat?**

**RW :** Saya melibatkan diri dalam dikir barat ialah pada tahun 1991 lah. Ketika audit mengadakan Sukan Audit Se Malaysia di Johor. Di situlah mula-mula saya panggil guru dan mula tubuh kumpulan, nama kumpulan tu Sri Wisma nama kumpulan. Tubuhnya di tingkat sepuluh [10] Jabatan Audit tingkat sepuluh [10] wisma persekutuan tubuh kumpulan untuk buat persembahan. Jadi kita, situlah kita belajar secara ni [ini] lah, panggil guru belajar kumpulan dulu-dulu saya minat je tengok, tengok daripada kecil [kecil] lagi tapi ini yang saya betul-betul terlibat, kemudian bila saya macam saya cerita tadi lah bila ada Zul balik saya bergabung pergi belajar arwah Seman Wau Bulan. Selepas pada itu, kita banyak persembahan pentas lah, arwah Seman bawak [bawa] kami, Zul pergi persembahan sana persembahan sini, mula-mula saya cuba menyanyi je nyanyi lagu-lagu dikir barat lepastu ada tokoh-tokoh tertentu dia cakap kamu boleh mengarut itu saya cuba belajar mengarut, sebenarnya saya cuba aktif dalam dikir barat ni [ini] sebenarnya bagi saya bukan nak *glamour* [terkenal], peringkat awalnya saya nak hilangkan takut menghilangkan gemuruh saya sebab saya belakang-belakang, saya cuba nak naik ke depan itulah sebenarnya saya berjaya lah saya boleh jadi seorang dikir barat, duduk ke depan saya boleh bercakap sampaikan saya pernah lawan kes dalam mahkamah pun jadi berani kerana dikir barat, sebab tu saya piker [fikir] dikir barat ni bagus ni, boleh jadi. Itu saya terus

aktif, jadi masa tu [itu] dia banyak pertunjukkan pentas tak macam sekarang kita buat kat kampung kita buat pagar likur pagar-pagar bertiket “Marilah Roby Wisma, Zul Wisma, Seman Wau Bulan” Ini nama nama, orang beli tiket masuk itulah kita jadi tak boleh berhenti ada, ada, itu suka lah cerita saya dalam dikir barat. Kemudian yang saya kata, yang *grand-grand* [hebat] yang terlibat dengan majlis besar-besar tu [itu] setelah saya tubuh persatuan tu [itu] makna kerajaan pun kita boleh buat macam nak buat Citra Warna, 1000 dalam stadium Menteri besar hadir, Tok Sultan hadir, Menteri Penerangan hadir penonton penuh stadium kita buat. Dengan gabungan-gabungan itulah kerja-kerja itu kami lah yang dibelakang masa tu [itu] tokoh-tokoh macam Cik Supian, tulis lirik, kita panggil yang pengendalian banyak yang terlibat. Itu kali pertama Sabri Yunus kita panggil, M Nasir kita pernah panggil join kita punya buat persembahan stadium yang paling besar tu itulah mana yang saya terlibat dengan dikir barat saya rasa bangga sekali. Kemudian satu lagi saya terlibat dengan pengadil, pengadilan dikir barat ni saya tahun dua puluh [2015], 2015 sehingga sekarang pun saya dijemput orang jadi pengadil. Cuma sekarang ni oleh kerana saya tak sihat saya jarang pergi, dalam pengadilan dikir barat ini pun satu kerja yang seronok juga lah sebab kita boleh membentuk orang-orang baru, ramai juga orang baru mari tanya belajar, jadi yang ada orang-orang sekarang pun sebenarnya hasil daripada pertandingan, hasil daripada tunjuk ajar kami lah, itulah yang kita rasa bangga sikit.

**AB : Baik, jadi soalan saya yang seterusnya pernahkah Encik Roby menghadapi tanggapan yang kurang baik daripada keluarga ataupun orang sekeliling ketika encik menceburi bidang ini?**

**RW :** Zaman telah berubah ketika saya kecik-kecik [kecil] dulu memang susah saya rasa tapi bila apa ni kita, terutama sekali Kelantan, bila berubah pucuk pimpinan, Menteri besar Kelantan, Tok Guru, seorang Tok Guru kuat ugama dia boleh terima dikir barat. Masa dulu diharamkan dikir barat, saya dan geng-geng [kumpulan] saya lah termasuk Dato' Zul tadi buat memorandum minta dibenarkan, kita ada diskusi dengan Tok Guru, Tok Guru benarkan dikir barat, dibenarkan balik dengan syarat-syarat, kita patut ikutlah, takleh [tak boleh] ada orang perempuan, tak boleh lebih masa, tak boleh ada lucah, jadi bila begitu penerimaan masyarakat terhadap dikir barat okay. Tok guru benar, kita pun baiki, kita baiki kita sendiri ni peranan persatuan kita baiki dikir barat ni, kawal *control* [kawal] jangan ada lucah, jangan ada pakaian yang menjolok mata. Jadi bila begitu masyarakat sekarang memandang dikir barat ini tak ada masalah, jadi kerana itu kami pun secara tak langsung tak pernah dicemuh orang, tak ada sekarang tak ada. Dikir barat okay. Oleh kerana itu kena jaga lah budak-budak baru sekarang kena jaga. Sekarang jaga, jaga betul betul jadi tak ada masalah. Sekarang ni tak ada dikir barat tak syok [seronok] la, nak ceramah politik sekarang pun kena buat dikir barat barulah ramai orang datang. Jadi, penerimaan masyarakat dikir barat sekarang sebenarnya cukup cukup baik, cuma kita sahaja yang baru kena pandai untuk mempertahankan benda ni [ini].

**AB : Baik, jadi siapakah seniman dikir barat yang dikagumi oleh Encik Roby dalam persembahan dikir barat?**

**RW :** Idola saya ialah Seman Wau Bulan, sebabnya saya daripada kecik-kecik [kecil] hanya tengok dia je [sahaja]. Kebetulan dia ini merupakan apa ni [ini] macam pengasas tapi tidak pengasas sebenarnya pengasas dikir barat ni Pak Leh Tapang dia buat balik dikir barat daripada Thailand. Tetapi Seman Wau Bulan telah meng apa ni mengolah membaik *repair*[baiki] sikit jadi dia buat perubahan-perubahan dia tu lagi sedap lah, lagi sedap, lagi merdu, lagi tersusun. Jadi, dikir barat yang ada sekarang ni semua orang boleh dikatakan adalah yang di *modified* [ubah] oleh Seman Wau Bulan terutama sekali lagu Wau Bulan. “Wau, wau bule” itu dia yang buat, Wau Bulan Terlajak Tiga tu [itu] dia yang buat. Sebab tu nama dia Seman Wau Bulan, dia buat masa tu [itu] persembahan pentas mana-mana. Jadi itulah idola saya, sebab itulah saya ni [ini] jadi anak murid Seman Wau Bulan, sebenarnya yang betul-betul belajar dengan Seman Wau Bulan tak ramai, Abe Nor Nagoro, Dato’ Zul Wisma, saya. Orang lain tak belajar, tiru je buat je.

**AB : Jadi baik, sebelum ini encik ada bagitahu yang encik ada masuk untuk dikir barat di sukan audit, jadi sebelum ini encik ada masuk pertandingan mana mana tak?**

**RW :** Di peringkat awal saya masuk pertandingan anjuran Jabatan Penerangan itu pun kerana didesak oleh kawan-kawan, tak ada orang yang mengarut, “Mu belajar, mu mengarut”, saya pergilah pertandingan, tak fikir menang kalah. Sebab dikir barat ni sebenarnya bukan bergantung kepada kita seorang, walaupun tukang

karut sedap, walaupun mesej kita berjaya disampaikan kena dengan tajuk. Jadi kita jangan rasa kesal kalau kita kalah, kalah tak semestinya merundum. Jadi saya masuk pertandingan lepas itu, lepas anjuran penerangan saya masuk RTM [Radio Televisyen Malaysia] lah sebab itu RTM dia boleh dikatakan setiap tahun dia buat pertandingan, pertandingan tu seluruh Malaysia tapi yang masuk biasanya daripada Terengganu, negeri Pahang, negeri Kelantan, Kolumpo [Kuala Lumpur] ada Kedah ada jugak sikit sikit masuk bertanding. Jadi saya pun masuk, dua kali saya masuk pertandingan tapi tahun saya tak berapa ingatlah berapa puluh berapa. Kali pertama saya masuk, saya sampai boleh pergi ke peringkat separuh akhir. Kali pertama saya terpaksa berlawan dengan Jemi Bukit Marak, kumpulan Seri Merangkap kalau tak silap saya masa tu. Saya kumpulan Tumpat, kalah dekat separuh akhir. Kali yang kedua bertanding lawan Cikgu Sulizi. Tetapi tahun yang berikutnya, saya bercadang nak masuk bertanding lagi tapi Noh Jaafar daripada RTM dia kata “By kamu tak boleh masuk bertanding, kamu mesti jadi juri. tak ada orang nak jadi juri sekarang” Dia kata pihak Kolumpo [Kuala Lumpur] percaya kamu jadi juri sebab kamu akan bertindak adil, kamu tidak akan ada salah guna apa-apa, sebab tu saya tak boleh masuk bertanding. Bukan tak nak bertanding, tak boleh kerana pihak atasan tak bagi. Jadi selepas dari itu la saya sentiasa jadi juri,juri,juri. Anjuran penerangan saya jadi juri, anjuran belia pun saya jadi juri, anjuran jabatan perpaduan dan integriti nasional pun saya jadi juri, anti dadah pun saya jadi juri. Apa-apa saja, kalau mana-mana jabatan nak wak [buat], apa ni hal ehwal pengguna buat pertandingan saya jadi juri, JPJ [Jabatan Pengangkutan Jalan] buat pertandingan saya jadi juri, RTM [Radio Televisyen



Malaysia] sendiri pun saya jadi juri sehingga saya dua kali bertanding peringkat Kolumpo [Kuala Lumpur], keluar TV [televisyen] lah tu jadi juri dua kali. Lepas pada tu [itu] saya pun uzur, lagipun pertandingan sekarang ni pun agak susah sikit, zaman sekarang ni zaman *handphone* [telefon] jadi kecoh-kecoh nak hukum pengadil jadi saya pun bagi kita, kita dah rasa kita adil, kita rasa kita dah betul tapi orang ramai maklum saja lah. Dia tengok kita berkawan, bercakap “Ha sebab tu dia menang, dia bercakap tadi”, Jadi saya rasa, campur dengan kesihatan saya berhenti jadi pengadil. Sekarang ni [ini] mana-mana orang ajak pun saya tak pergi. Tapi kalau persembahan orang ajak pergi lagi, pengadil tak nak. Itulah dalam bidang pengadilan dan bidang dikir barat saya.

**AB : Okay, baik terima kasih. Jadi soalan seterusnya, adakah encik masih dijemput membuat persembahan dikir barat kalau jika ya dimanakah diantara lokasi yang encik selalu pergi?**

**RW :** Boleh dikatakan masa ke semasa masih ada lagi peminat dan juga kawa-kawan yang menjemput saya membuat persembahan dikir barat, di tempat kenduri ke, persembahan-persembahan jabatan ke. Walaubagaimanapun kebanyakan saya tolak kerana sebabnya bukan tak minat sebabnya diatas faktor kesihatan. Saya sekarang menghidap penyakit apa ni [ini] orang panggil *slip disc* [tulang rawan tergelincir]. Jadi saya tak boleh nak berdiri lama-lama, tak boleh nak lompat-lompat macam dahulu. Jadi saya tak boleh hadir la sebab dikir barat ni sebenarnya satu benda yang orang Klate [Kelantan] kata angin, bila kita berada di atas pentas, bila penonton suka dekat kita, bila awak awak sedap, dia rasa naik sheikh [gian],

dia lompat ni, ni, ni. Balik rumah sakit, besok [esok] lagi sakit, Jadi kita mesti mementingkan kesihatan diri, oleh kerana itu banyak memencilkan diri kat rumah walaupun jiwa ini meronta ronta (ketawa) untuk pergi bersama mereka tetapi apakan daya hamba sudah tidak berdaya (dua dua ketawa).

**AB : Baiklah, jadi soalan saya seterusnya adakah Encik Roby mempunyai mana mana ahli keluarga ataupun saudara mara yang mengikuti jejak Encik Roby sebagai seniman dikir barat?**

RW : Setakata ini tidak ada.

**AB : Tidak ada?**

RW : Ha [ya], saya sendiri pun kadang hairan macam mana saya terlibat dikir barat. Tapi bila saya selidik-selidik, mungkin dulu kerana ayah saya adalah seorang dikir jugak, dikir labo. Zaman dulu dia dikir labo jadi ayah saya terlibat dengan dikir labo jadi mungkin kita ada darah seni daripada dia lah kot. Walaubagaimanapun, saya tengok cucu-cucu saya tu [itu] ada dua [2] tiga [3] orang tu ada kat Kolumpo [Kuala Lumpur] tu minat juga dengan muzik. Kekadang dah main palu-palu (membuat gerakan mengetuk) tu yang nasyid tu, palu-palu tu dia pandai main, boleh main *float* [terapung]. Dia minat jugak [juga], tapi tak tahu lah sebab dia duduk Kolumpo [Kuala Lumpur] kalau duk [duduk] Kelantan boleh bawa gi [pergi] dikir barat. Jadi, secara keseluruhannya saya tak nampak lagi lah ada ataupun tidak ada keturunan yang terlibat dengan dikir barat.

**AB : Okay, jadi seterusnya adalah apakah rahsia dan petua Encik Roby untuk kekal, terus kekal dalam bidang seni dikir barat sehingga sekarang?**

**RW :** Saya tidak mempunyai apa-apa petua, cuma tak macam orang dulu-dulu, orang dulu-dulu nak turun rumah baca ni, nak ni baca ni, amal ayat tu ayat ni, hafal jampi tu mantera serapah tu. Saya tak ada semua benda gitu [begitu] tu kita tak amal cuma saya sentiasa melatihkan diri untuk menepati masa, menepati janji kalau orang kata “*You* [kamu] kena datang pukul lapan [8]”, saya pukul lapan [8] saya pergi. Kalau orang kata “Awak kena hadir jangan tak hadir”, saya mesti hadir jadi kemudian yang keduanya saya tidak pernah melibatkan diri dengan benda-benda yang ada *clash* [pertembungan], kalau nampak orang nak bergaduh saya damai, saya yang damai orang bukan kita nak gaduh. Jadi, bila begitu hubungan kita dengan orang ramai dengan masyarakat tak ada masalah orang jemput kita pergi tepat masa. Dan satu lagi yang paling penting tapi yang ni [ini] ramai orang tak buat la sebab kadang-kadang orang dia nak duit, karier nak duit, kalau kita tak cuba kejar duit macam mana kita nak maju, ada letak harga nya. Saya tak macam tu, saya fikir inilah hobi kerana saya tak pernah memikirkan pasal duit, jadi orang tak bagi duit pun tak apa orang ajak saya pergi ja, masa tepat, orang ajak kita pergi, duit tak nak, makan pun kadang-kadang kita yang belanja orang tu orang sayang, sebab tu [itu] orang sayang tapi gitulah [begitu lah]. Saya keseluruhannya saya rasa masih ramai yang sayang saya di luar tapi saya yang tak boleh bergerak.

**AB : Baiklah, jadi apakah kenangan manis yang sepanjang encik melibatkan diri dalam dikir barat sampai harini?**

RW : Seperti yang saya kata tadilah, kenangan manis ialah semasa buat persembahan di parlimen itulah kenangan manis yang paling manis situlah yang lain tak ada manis sangat, cuma satu yang agak lucu (ketawa) ni tak ada dalam sejarah orang lain. Saya berfikir dengan Zul Wisma di Stadium dengan juaranya Hamid Budaya tengah-tengah Hamid Budaya bawa lagu “Pikir pikir sedihnya hati” tiba tiba runtuh, (amir gelak) pentas runtuh berterabur jatuh ke bawah, saya Zul lompat semua tak ada orang berlaku, tak ada orang yang ada pengalaman yang macam ni. Satu pengalaman yang agak melucukan. (amir gelak)

**AB : Baik, baik. Jadi soalan seterusnya apakah perkara yang encik sangat menitik beratkan ketika ingin mempersembahkan dikir barat?**

RW : Perkara yang saya titik beratkan dikir barat ialah disiplin. Pertama sekali, menepati masa, yang keduanya peraturan kita kena ikut. Nak masuk bertanding kena adalah kita ada *training* [latihan] macam kita kena ikut semua tu [itu], jangan langgar. Yang ketiga, pakaian. Pakaian pun kita mesti sesuai dengan ni jugak, jangan kita “oh dikir barat, pakai seluar tamping, pecah”. Benda-benda macam tu saya titik berat. Satu lagi yang penting kita punya Bahasa percakapan, walaupun kita mengarut jangan la kita kata kepada teman, kita menyentuh hal peribadi, jangan kata awak ni macam cicak, jangan kata awak ni macam payadom, jangan kata, satu lagi lucuk, lucuk mesti kena tolak terus jangan sebut perkataan lucuk, sebut benda yang baik-baik, sebab tu kita boleh memartabakan dikir barat, benda-benda macam tu lah saya titik beratkan dalam hidup saya. Masa, disiplin, pakaian dan kata-kata.

**AB : Okay baik, jadi soalan saya yang seterusnya, pernahkah Encik Roby diminta untuk menjadi guru atau mentor dalam seni dikir barat ini?**

**RW :** Kalau nak dikatakan menjadi guru secara besaran tak ada la tapi dari masa ke semasa ada jugaklah yang jemput saya pergi tempat-tempat dia *training* [berlatih], dia suruh bagi tunjuk ajar bagaimana nak mengarut dan bagaimana awak awak nak sambut sebab dikir barat ni kita yang karut, yang awak tu yang kena ambik sesuai dari segi suara, dari segi masa kita *training* [berlatih] lah dengan muzik pula, itu saya pergi ajarlah. Mana dijemput saya tunjuk ajar sebab dikir barat ni sebenarnya kalau tak belajar dengan guru, dia masalah sebab itulah sekarang ni dikir barat ni Nampak lain sikit sebabnya diorang tak belajar, hanya belajar dalam kaset, tak belajar dengan guru belajar dengan kaset. Dorang buat *recording* [rakaman] semua sekarang ni sebab tu kadang-kadang kita dengar macam sumbang je dulu tak ada macam tu, dulu *direct* [langsung]. Tapi peranan saya, ada orang jemput saya pergi macam saya kat tadi ada orang jemput saya pergi, saya tak kisah saya tak pernah tanya pun dia nak bagi berapa, saya pergi. Jauh kadang kadang saya pergi, dekat lagi saya pergi. Tapi yang penting itulah bila tengok budak-budak tu boleh bentuk boleh ajar, saya pergi kalau saya tengok budak-budak dua [2] kali saya pergi entah ke mana saya tak pergi la, macam mana kita nak bentuk dorang sendiri yang tak nak baiki diri dia. Jadi pertama sekali kumpulan dia kena ada tunjuk semangat nak baiki pasukan dia baru saya boleh tolong. Kita pergi tu kalau tak boleh kita tak pergilah. Dengan saya punya tunjuk ajar, dulu la.

**AB : Baiklah jadi soalan saya yang seterusnya adakah encik berminat nak ceburi bidang lain selain bidang dikir barat encik sekarang?**

**RW :** Saya rasa sudah sampai di penghujungnya oleh kerana keadaan kesihatan yang tak menentu, saya tak boleh buat apa-apa. Sebenarnya kalau nak kira dengan minat saya masih banyak minat lagi. Kalau nak kira minat saya sekarang ni saya minat nak baiki kereta ni, baiki kereta sekarang ni banyak guna komputer ni. Kalau dulu saya baiki dah, baiki kereta guna mekanikal punya tapi sekarang ni cuba nak buat sendiri jam, ini komputer, ini komputer. Nak belajar, minat dia tu ada duk [tengah] fikir tapi tak dapat, dapat tinggal dikir barat saya baiki kereta. (amir gelak) Komputer, komputer saya minat komputer sebenarnya.

**AB : Jadi soalan saya yang terakhir, bagaimanakah encik menyesuaikan diri dengan perubahan dikir barat masa kini dengan dahulu terutama sekali apabila adanya era digital seperti media sosial dan sebagainya?**

**RW :** Saya sebenarnya tidak peduli sangat dengan benda tu sebab dikir bara ni sendiri sebenarnya daripada peringkat awal lain, pertengahannya lain, akhirnya lain dan dunia ni berubah, semuanya berubah. Dari segi Bahasa sendiri pun asalnya berbeza, kita nak cakap Kelantan pun ramai tak tahu, nak Kedah betul-betul piaw [asli] pun orang kita tak tahu, jadi perubahan itu tetap berlaku jadi saya pun tak apa lah, nak berubah pun berubah lah tapi dalam hati tak suka dalam hati kita masih rasa keaslian kita, dari segi budaya kita dulu dulu keaslian kita nak, dulu-dulu tapi kita terpaksa juga terima perubahan macam tu lah kita terpaksa redha.

Berubah, berubah, berubah, suatu hari nanti dunia akan kiamat, dunia akan kiamat kita tak boleh tutup benda tu, Cuma kalau kita boleh betul kita betulkan, kalau tak boleh nak buat cam [macam] mana.

**AB : Okay jadi itulah jawapan terakhir dari Encik Roby dari segmen kita yang ke empat untuk pengalaman kerjaya seniman dikir barat.**

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN**

**AB** : Okay untuk segmen seterusnya kita akan bergerak ke sumbangan dan pencapaian. Jadi menurut pencapaian encik pada tahun berapakah encik, juara dikir ni saya cuba nak fahamkan juara dikir?

**RW** : Dia sebenarnya dalam dikir barat ni dia ada beberapa watak, yang memulakan lagu tu dipanggil Tok Jhoro.

**AB** : Tok Jhoro?

**RW** : Tok Jhoro yang memulakan lagu, bukan biasanya sama, orang lain. Bila habisnya Jhoro tu barulah tukang karut ambil alih, (amir mengiyakan) yang beza tok jhoro bukan juara, orang Kelantan panggil Tok Jhoro. Beza antara Tok Jhoro dengan tukang karut ialah Tok Jhoro dia skrip dia hafal skrip, dia dah hafal skrip.

**AB** : Jadi, soalan saya yang pertama

**RW** : Saya tak ingat tahun sebab dulu saya ingat tak penting, buat je [sahaja] tapi saya rasa tak lama dengan dalam tahun 1990 an jugak [jugaa] sebab saya berdikir tahun 1991, 1992 mungkin tahun 1993, 1994 begitu je lah. Bila Zul nak buat tu saya buatlah irama tu, lagu yang mula-mula sekali tu yang paling terkenal sekali ialah "Cokek Mok Bolok".

**AB** : Cokek Mak Bolok?

**RW** : Sebenarnya masa tu [itu] Zul nak duet dengan penyanyi wanita nama dia Ani Cantik Molek jadi saya buat lagu Cokek Mok Bolok, lepas tu ada beberapa lagu



lagi macam lagu ‘Abey Takleh Setuju’, ‘Kenangan Masa Dulu’ yang saya buat tu cukup untuk satu album tu jadi Zul sendiri pun dua [2] kali dia buat album, keluar laku, radio pun pasang hari lagu tu “Cokek mak bolok (menyanyi).

**AB : Jadi bagaimanakah proses ketika membuat lagu tersebut?**

RW : Sebenarnya saya lebih menulis lirik ni berdasarkan pengalaman sendiri ataupun bila kita tengok orang macam saya buat lagu Cokek Mok Bolok sebenarnya, tapi susah gak [juga] nak cerita ni, masa saya tengok seseorang tu dia nak *tackle* [mengorat] perempuan tu [itu]. Dia nak *tackle* [mengorat] perempuan tu gini [begini], gini dia cakap sendiri. Walaubagaimanapun saya rasa lah kalau ada orang yang ada sebelah kita buat ni, buat ni, bagi semangat ni tapi tak ada lah tak ada teman, diri pun dah tak berteman jadi setakat tu lah karier saya nya lagipun bila kita dah bergiat dalam sesuatu persatuan. Supian ada, Supian lebih aktif, kadang kadang tak jadi bagi penulis lirik.

**AB : Baiklah, jadi terdapat beberapa lagu yang Encik Roby sebut seperti Terkenang Kisah Dulu, Hancur Luluhnya Hatiku dan lain lain, tetapi yang menarik perhatian saya adalah lagu Cokek Mok Bolok ni jadi apakah maksud Cokek Mak Bolok dan tajuk tersirat dari lagu Cokek Mok Bolok ni?**

RW : Sebenarnya perkataan salah satu perkatae [perkataan] yang memey [memang] digunakan orang tua-tua dulu, orang tua-tua dulu kampung kampung, dia di Kelantan ni sebenarnya orang dulu dulu dia pantun kuat, nak berkahwin pantun,

nak meminang pantun, nak jawi anak pantun, bercakap pun kadang-kadang berpantun jadi ada dah ayat ni saya pun taktau apa benda Cokek Mak Bolok ni Cokek Mak Bolok dah sebut dah dulu, Cokek Mak Bolok ore [orang] tua dah kato [kata] dah benda tu jadi saya pun terpikir [fikir] lah Cokek Mak Bolok --- Jadi kisah lagu ni sebenarnya adalah mengisahkan usik mengusik seorang lelaki dan perempuan dan saya dah tahu dah laki ni ada bini [isteri] akhirnya kahwin, sekarang dah dapat anak dah ramai dah

**AB : Jadi, semasa lagu encik Cokek Mak Bolok bersama Dato Zul Wisma jadi macam mana sambutan lagu tu masa tu?**

**RW :** Lagu tu memang betul betul *top* [atas] masa tu tambah tambah radio pun hari hari siar sebab orang mintak [minta]. Sampai tokey [bos] yang nak buat tu nama Encik Ismail daripada Tanah Merah dia nak *bankrupt* [muflis] dah tapi bila dia buat album tu dia jual, masa tu orang lain buat. Dia boleh beli *handphone* [telefon], mula mula keluar *handphone* [telefon] besar tu boleh beli phone pakai lagu tu, kitorang tak dapat apa apa sangat saya lagi la tak dapat apa tapi tak kisah la jadi memang bebetul laku lagu tu. Lepas tu bila lama lama keluar lagu baru, radio pun tak siar tambah tambah sekarang ni kita nak buat balik pun dah tak ada sebab lagu tu dibuat dalam bentuk kaset, kaset dah penuh [punah] semua habih [habis] dah tak ada la, dalam RTM pun takde [taka da] simpan tak boleh cari tak boleh buat apa, lain la rakam semula, boleh rakam lagi sebab lagu tu masih kita ingat cuma lagu tu kadang kadang saya dengan Zul kalau ada persembahan mana mana orang

mintak saya duet saya jadi perempuan dia jadi lelaki kita buat dua orang, lagu tu pun ada dalam YouTube tu saya dan Dato' Zul.

**AB : Baiklah jadi adakah dengan sambutan yang encik perolehi tu memberikan lagi semangat tambahan kepada encik semasa itu**

RW : Tidak, kerana sebabnya saya buat tu semata mata kerana kawan kawan, kawan yang mintak dan kebetulan saya banyak bersendirian, saya banyak bersendirian saya buat ja lah benda yang terlintas dan lepas daripada itu saya tak fikir nak buat sangat sebab bagi saya tak perlu sangat la kepada lirik lirik ni kerana masih ramai orang baru baru yang boleh berkarya boleh tulis lagi baik, kita pun banyak benda lain kerja bertimbun timbun di pejabat terpaksa kena buat masalah keluarga, masalah apa dan kita pun bila keluarga dah banyak masa pun, sebenarnya untuk menjadi penulis lirik ni [ini] bagi saya, kalau saya penulis saya mesti berseorangan ataupun ada seorang dua yang sejiwa yang boleh bincang bincang bolehlah, tapi lebih baik kita sorang kita boleh tulis, jadi bila begitu kita dah *busy* [sibuk] dah sekarang saya tidak ada nak berkarya cuma ada satu lagu yang terakhir tu saya buat itu ketika arwah isteri saya meninggal. Bila dia meninggal saya duk sore [seorang], masa tu [itu] terlintas saya buat satu lagu "Hancur luluh rasanya hati ore ku sayang telah pergi meninggal dunia mengadap ilahi, hiduplah aku seore diri, bila bangun pagi bila celik mata silang kanan kiri takdak sapa ada, rumah ku dah sepi macey daley gua apakah begini untuk sepanjang masa". Jadi lahirnya benda tu adalah kerana keadaan saya masa tu jadi bukan kata nak berkarya sangat tapi walaubagaimanapun diambil oleh orang lagu ni di Kolumpo

[Kuala Lumpur] dia buat rakaman sebar dalam YouTube tapi orang lain la bukan saya tapi lagu saya lah.

**AB : Jadi soalan saya berkenaan dengan sumbangan Encik Roby, mengikut pencarian saya ada terlibat dengan persatuan koperasi dikir barat ataupun persatuan dikir barat boleh Encik Roby ceritakan sedikit tentang itu dengan jawatan yang encik sandang?**

**RW :** Persatuan Dikir Barat Negeri Kelantan sebenarnya telah lama ditubuhkan cuma selepas diharamkan oleh kerajaan Kelantan kita terpaksa *re do* [membuat semula] balik, kita terpaksa kemaskan balik kita buat persatuan dikir barat dan perjuangan kita pertama ialah buat memorandum kepada kerajaan untuk membenarkan balik dikir barat jadi selepas mendapat kebenaran kita terus aktiviti persatuan masa tu jadi masa tu persatuan lebih kepada memantau dikir barat takut dikir ni melanggar syarat syarat yang diberi oleh Menteri besar, jadi masa tu lah kita kumpulkan ahli, kita kumpul, aktif, kutip yuran apa tapi biasanya begitulah. NGO [Non-governmental Organization] ni mesti ada mesyuarat, ada mesyuarat ada pelantikkan, ada pertandingan. Jadi bila ada beberapa pertandingan pucuk pimpinan berubah yang ni kawan yang ni keluar sekali akhirnya daripada persatuan pecah tubuh Koperasi tapi saya sebenarnya dipilih dalam Persatuan Dikir Barat Kelantan saya diundi orang bukan dilantik, kalau dilantik saya dah lama berhenti kerana saya tak suka sangat dengan gelagat gelagat orang ni, gelagat dikir ni serabut jugak tapi dah saya dipilih. Bila dipilih saya bertanggungjawab, saya terpaksa peganglah samapai sekarang dalam persatuan

Dikir Barat Kelantan saya jadi timbalan, Timbalan Yang Di-Pertua Persatuan Dikir Barat Kelantan walaupun dikir barat Kelantan sekarang ni agak lemah dan ramai yang mendesak saya supaya lawan presiden, saya tak ada masalah. Orang duk desak saya lawan YDP [Yang Di Pertua], saya tak nak biarlah aku disitu aku mengelak daripada pergaduhan, aku mengelak daripada perpecahan sebab bila aku berpecah bukan aku saja yang berpecah orang bawah habis berpecah, itulah kekal saya disitu dan disitulah. Bila Zul tubuh kumpulan KOPERASI oleh kerana dia mintak saya *join* [masuk] dia, saya masuk sebab saya memang saya suka benda yang boleh menyatukan ore [orang], benda boleh tolong ore [orang], sekarang ni ada persatuan baru nama dia Persatuan KESEDAB ditubuhkan oleh Ashri, Ashri Entertainment apa nama dia tubuh persatuan baru dia ajak saya pergi, pergi jugak tiap kali mesyuarat tapi oleh kerana kesihatan tak mengizinkan saya dah angkat tangan, saya tak boleh aktif tapi saya bolehlah kalau orang ajak buat persembahan ke, nak mintak khidmat nasihat ke, tunjuk ajar ke kalau mari dirumah saya boleh layan la kerana jiwa saya masih lagi disitu cuma saya tak boleh aktif, saya masuk saya tak pernah tolak persatuan ni jangan ni jangan. Pernah dulu Cikgu Sulizi daripada Terengganu nama apa persatuan dia nama, tak ingat saya lupa dah. Dia ajak saya, saya pergi bayar yuran, masuk. Kalau dia panggil saya pergi lagi, saya tak pernah menolak sebarang aktiviti aktiviti yang menyemarakkan semangat setiakawan, semangat perpaduan, saya jaga benda tu.

**AB : Baiklah itu sedikit sebanyak segmen kita yang kelima iaitu sumbangan dan pencapaian Encik Roby dalam bidang dikir barat.**

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN ENAM: CABARAN

**AB : Pernahkah encik hadapi permasalahan penubuhan kumpulan dikir barat?**

**RW :** Berdasarkan pengalaman saya dalam dikir barat ni sebenarnya ada juga cabaran walaubagaimanapun benda ni [ini] dapat diselesaikan. Dia sebenarnya dalam dikir barat ni cabaran ialah ahli ahli, ahli ahli dikir barat ni kadang kadang dia senang bergaduh sedangkan ahli tu penting bagi kita tapi ahli ni kadang kadang contoh A ni juara, B ni juara sama sama naik. Lepas tu berlawan lah, bila berlawan *last-last* [akhirnya] tu gaduh, A gaduh dengan B jadi kita nak buat pertubuhan macam mana, tapi kita terpaksa damaikan diorang. Ni masalah ni kita nak atasi susah sikit, orang seni ni mudah terasa silap sikit bergaduh, silap sikit bermasam muka, itu cabaran yang kita nak bentuk benda tu. Bagi saya sebenarnya saya sendiri saya tidak merasakan itu cabaran kerana bagi saya, saya tak kisah, tak bayar pun tak apa, orang lain tak bayar bising. Tapi cabaran bagi saya ialah bagaimana saya nak satukan diorang bila gaduh bagaimana nak suruh dorang baik. Kadang kadang kita panggil dua orang, dua orang kita belanja makan, kadang kadang pujuk. Sebenarnya kita nak bentuk perpaduan dalam kalangan kita, orang orang dikir dikir ni payah sejak daripada dulu sampai sekarang, sekarang ini lagi teruk sebab diorang dah ada whatsapp, mu [kamu] whatsapp, mu [kamu] whatsapp. Sebab itulah pertubuhan dikir barat kot [ikut] mana pun sekejap tubuh mati, sekejap mati kerana inilah, pergolakan dalaman kadang tak puas hati dengan ketua, ketua makan pith dia kata tak puas hati dengan, kemudian tak puas hati dengan disiplin, benda benda macam tu. Benda benda persatuan ni macam politik juga lah, kita nak paut orang itu cabaran paling besar. Yang keduanya cabarannya ialah

kerajaan. Kerajaan ni memang bermasalah jugak, antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat daripada dulu dulu sampai sekarang bila dia bergolak maka begitulah jugak akan berlaku kepada kita. Kerajaan Kelantan mau bentuk macam ni, kerajaan pusat macam lain bila dua pertembungan macam tu kita akan terkepit di tengah kita nak berdikir tapi yang ni halangan halangan dia yang ni lak macam ni, sedangkan kita memerlukan sumber, kita nak mintak dengan negeri, negeri takdak duit bagi sikit sikit, kita minta dengan federal yang masalahnya kita mintak dengan federal oo sini orang dah parti BN, itu masalah. Sedangkan kita orang seni bila kita panggil Menteri besar sapa mari, dia orang PAS [Parti Islam Se Malaysia]. Jadi benda benda macam tu adalah cabaran yang terbesar. Bila kita *group-group* [kumpulan] politik ni, masalah politik ni telah memberi satu masalah kepada perkembangan dikir barat di Kelantan ni. Dorang gaduh, begitulah kata orang gajah sama gajah berjuang pelanduk mati ditengah tengah jadi tersepit, aku nak kemana disitu orang kata PAS [Parti Islam Se Malaysia] gi [pergi] sini orang kata UMNO [Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu] jadi kita nak mengelak daripada pergaduhan itu paling besar sekali cabaran dalam dikir barat.

**AB : Okay baik terima kasih Encik Roby, jadi soalan saya seterusnya bagaimanakah encik membahagikan masa antara keluarga dengan kerjaya dan juga dikir barat? Macam mana Encik Roby cuba untuk membahagikan masa tersebut?**

**RW : Saya sebenarnya kalau nak membahagikan masa tu saya tak *planning* [rancang] sangat walaubagaimanapun takdir baik bagi saya, saya tengok anak anak saya tak**



bermasalah. Jadi malam malam saya keluar saya tak tengok sangat pun tak bermasalah, anak saya belajar sekolah tak ada tuisyen, tak ada tuisyen tengok tengok dia cemerlang, okay okay. Jadi saya rasa aku boleh keluar malam lah tak ganggu kerja diorang Cuma saya bagi semangat, tunjuk benda yang baik, bagi duit jadi saya tidak ada masalah dalam keluarga jadi saya tak rancang sangat masa kecuali kalau saya tengok anak say ani tak pandai aku kena berhenti dikir barat sebab tu saya boleh terus tu sebab malam je dikir barat ni malam, kat rumah kat pejabat sebab tu lah saya tak nak tukar daripada Kelantan sebenarnya, yang KL [Kuala Lumpur] mari nak bagi pangkat saya tak pergi, dua [2] kali saya nak tukar daripada Kelantan kerana ini lah, saya nak dekat dengan anak walaupun malam saya berjalan saya pergi, anak anak ada jadi tak ada masalah lah walau masa saya tak rancang sangat tapi saya boleh *handle* [mengendalikan] benda tu sampai anak anak saya semua boleh masuk universiti semuanya grad, biarlah kita tak grad pun janji tiga tiga grad dapat kerja semua.

**AB : Baiklah, okay jadi soalan saya seterusnya apakah cabaran terbesar yang dihadapi kumpulan dikir barat dalam memperkenalkan genre ataupun orang kata apa jenis muzik ini di khalayak yang lebih luas? Contohnya kita nak bawa dikir barat ni ke negeri negeri yang bukan, macam Kelantan mewarisi budaya dikir barat contoh kita bawa dikir barat ni ke KL jadi apakah cabaran tersebut?**

**RW : Cabaran yang terbesarnya dikir barat ni taktahu lah kalau boleh ubah susah nak ubah sikit terutama sekali dalam bahagian tukang karut sebab tukang karut**

pertama dia kena spontan yang kedua, yang keduanya nak serasi dengan awak awak. Jadi dalam konsep tukang karut dia mesti menggunakan Bahasa Kelantan, itu masalah sikit, kalau nak mengarut menggunakan Bahasa standard pertama sekali kita nak sebut ni jadi kekok, awak awak nak ambik pun kekok, satu lagi perbendaharaan kata sebenarnya Bahasa Kelantan Bahasa daerah ni sebenarnya kita mempunyai perbendaharaan kata yang banyak, kita tak boleh sebut makan kita sebut kedarah macey-macey [macam] kita sebut, sebab nak sesuai dengan pantun tapi kalau nak guna Bahasa standard tu payahlah sikit maka nak tak nak boleh kita guna Bahasa lain tapi kena tulis lirik la hafal kerana kita nak kekalkan budaya spontan jadi ini lah cabarannya, cabaran kita nak bawak Bahasa Kelantan supaya orang lain faham masalah sikit, sebab tu tak boleh nak keluar tu Bahasa Kelantan pergi, tapi di Malaysia ni dah ramai dah kenal tapi nak bawa ke lain tu tak boleh la sekarang ni. Sebab tu la dikir barat ni kalau kita nak jadi tukang karut yang baik perlu orang lama lama, orang muda muda dah campur aduk dah, campur aduk. Nak sebut dalam muzik, kalau kita kata semakin hari semakin elok, semakin hari semakin semakin canggih. Nak ikut beat muzik pun dah tak masuk, awak awak nak turut pun tak masuk sebab tu kena guna Bahasa Kelate koho sari koho comey, [semakin hari semakin comel] tapi Bahasa ni tak boleh bawa ke tengah lah, ini lah cabarannya tapi tak tahu lah kalau generasi baru ni boleh ubah sikit sikit, kalau yang lama lama ni memang terikat. Sebab tu bila Kuala Lumpur dia bertanding dia komen, saya jadi pengadil tak pernah pernah dia komen, jadi nampaklah antara awak awak tak seragam sebab tu lah dia rendah markah sebut perkataan, guna perkataan realisasi, inovasi, si si macam macam selit jadi ayat

panjang sebab dia nak mengarut dia kena guna lapan [8] ayat dia cabaran dia, cabaran dari segi penggunaan Bahasa.

**AB : Baiklah terima kasih. Untuk soalan seterusnya adakah terdapat kesukaran dalam mengekalkan dan mewarisi tradisi dikir barat sambil mencipta kesegaran dan inovasi dalam persembahan mereka, untuk pembaharuan?**

**RW :** Kesukaran? Setakat yang saya tengok harini macam yang saya kata tadilah sukar untuk kita mengekalkan tradisi yang macam dulu dulu lah. Pertama sekali oleh golongan golongan lama dah meninggal satu, satu. Dan orang baru baru pun dia tak belajar secara berguru dia tengok kaset, dia tiru. Benda benda gini [begini] tiru tengok. Kita tak boleh nak kekalkan tradisi dia. Dikir barat ni sebenarnya gendang ibu, gendang anak, tradisi akan tinggal, tapi tak apa kalau orang tulis dalam sejarah ----- Itulah kita rasa kesal sikit kerana dunia sekarang, dunia tidak mencari guru kalau dulu orang naik bukit naik gua belajar silat cari guru, orang pergi kampung cari orang tua tua.

**AB : Baiklah. Jadi baiklah terima kasih. Bagaimanakah kumpulan dikir barat menguruskan jadual Latihan dan persembahan yang padat, terutama apabila anggota kumpulan mempunyai komitmen yang lain? Jadi macam mana orang susun jadual yang padat tu?**

**RW :** Itu saya tak boleh jawablah sebab saya sebenarnya tak pernah ada satu kumpulan, saya tidak ada kumpulan sendiri, saya pergi kat kumpulan orang lain, orang lain ajak saya pergi kumpulan, ada yang bagus ada yang cuma satu lagi saya duk

[tengah] perhati kumpulan dikir ni kadang dia mudah putus asa, dia buat kumpulan kemah elok, masuk bertanding kalah dia dah bubar dah. Ini satu semangat yang tak bagus ni. Jadi saya sendiri tak ada pengalaman dalam kumpulan, saya tak pernah ada satu kumpulan. Itu beza tukang karut dengan tok jhoro. Tok jhoro dia mesti ada satu kumpulan *training* [berlatih] lagu dia, ikut lagu dia, tukang karut dia pergi kumpulan mana mana ja sebab dia spontan cuma kumpulan tu kalau lemah sangat kita tak ada semangat, kita pun tak mari ke dia. Jadi soalan tu saya tak boleh jawab sangatlah sebab saya tak terlibat dengan kumpulan.

**AB : Untuk soalan saya yang terakhir, macam kita tahu COVID19 ni pada waktu pandemic dahulu telah memberi kesan kepada dikir barat macam mana waktu pandemik dahulu adakah dia memberi kesan terhadap kerjaya encik, penulisan lirik atau persembahan yang lain?**

**RW :** Bagi saya tidak ada apa apa kesan kerana saya penjawat awam, kerja kerajaan ada pencen dan lagi pun saya tidak meletakkan dikir barat ini sebagai, sebagai sumber pendapatan, itu yang saya tak terikat tu, hobi tak fikir pasal duit, musim covid tak ada apa masalah duk rumah je pencen dapat tapi bagi penggiat penggiat seni yang memang ni dia bermasalah la sikit. Tapi kita ada buat *collection* [pengumpulan] haritu ada yang sakit, kita buat *collection* [pengumpulan] lah tapi ramai jugalah yang terkesan, di peringkat kampung kampung.

**AB : Jadi itulah jawapan yang terakhir untuk segmen kita yang ke enam iaitu cabaran. Terima kasih.**

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## **BAHAGIAN TUJUH: HARAPAN DAN PENDAPAT**

**AB : Kita akan teruskan dengan segmen kita yang terakhir iaitu harapan dan pendapat. Jadi yang pertama apakah harapan jangka pendek dikir barat dalam tahun tahun akan datang, apakah harapan encik untuk dikir barat nanti?**

**RW :** Harapan saya untuk dikir barat ialah kalau boleh saya nak anak anak muda belajar dikir barat dan kekalkan keaslian dulu dulu, cuma tinggal lagi kadang kadang dia kata macam orang asli dulu dulu ka macam orang dulu dulu la sebenarnya keaslian bagi saya patutnya dikir ni sebenarnya satu bukan kata ada setengah orang dia silap paham dia ingat dikir barat ni datang daripada Thailand dalam bentuk yang sempurna, sebenarnya bukan dikir barat ni dia berubah evolusi dia ada, dia bukan daripada barat yang masuk tu elemen tukang karut tadi, jhoro to jhor tu dah ada di Kelantan dia asal dulu dari dikir labo, dikir labo lamo-lamo [lama-lama] dia tak paham, dia tak paham dikir labo ni apa soal jadi di zaman Semey Wau Buley empat [4] orang tok jhoro ni telah menyempurnakan dikir barat ini seperti ada hari ni, jadi saya anggap itulah aslinya, asli tu setelah dikir tu sempurna dulu tak sempurna ni sempurna. Muzik dikir barat dulu pun macam-macam. Itu saya rasa tak sepatutnya berlakulah, janganlah. Kekalkan yang dah comey [cantik] tu [itu].

**AB : Baiklah jadi soalan seterusnya apakah harapan encik dalam membina hubungan baik dengan peminat, penonton serta mengembangkan untuk komuniti dikir barat ni [ini]? (ulang soalan)**

RW : Harapan saya tu [itu] kalau boleh kena kekal lah walaubagaimanapun itu bergantung kepada individu masing masing lah, individu masing masing, kumpulan masing masing. Sebenarnya kalau kita sentiasa berfikir benda yang baik, dalam kepala kita nak baik saja kita boleh buat ni [ini] masalahnya nak dengki, nak bergaduh, nak gocoh [lawan], tak suka pengadil, pengadil tak adil jadi susahlah. Jadi harapan tu ada, sebenarnya kita boleh buat masalahnya kita tu sendiri, orang ramai. Tapi bagaimana nak baiki orang, ni masalah. Cabaran dia nak baiki orang.

**AB : Baiklah jadi untuk soalan seterusnya apa pendapat Encik Roby untuk kita promosikan budaya dan warisan dikir barat ni [ini] ke peringkat nasional ataupun internasional antarabangsa?**

RW : Susah saya nak jawab.

**AB : Susah?**

RW : Sebab benda ni [ini]] bergantung banyak pada kerajaan melalui Kementerian Penerangan, jadi orang atas nu [sana] dia boleh bawaklah satu pertukaran, pertukaran budaya tu, lawatan, promosi tu kalau nak harapkan kita orang orang seni kapong [kampung] ni, tak sampai, tak sampai, nak majukan kawan dia pun payah kekangan yang banyak terutama sekali duit lah tu memang kena kerajaan la memikirkan sesuatu bagaimana kita nak *promote* [promosi] ke luar. Tapi setakat ni Mok Yong dah ada dah bawa pergi, itulah bila kerajaan negeri harap dia buat la benda tu kena *promote* [promosi] la, kalau kerajaan negeri tak haram,

politik jugak ni, itulah, sedangkan benda benda ni ---- Jadi yang penting dia kerjasama antara kerajaee [kerajaan] dengan rakyat, kalau kerajaan dan rakyat tak bekerjasama. Kerajaan antara kerajaan negeri kerajaan pusat dia kena bekerjasama belaka sedangkan kita nak kembangkan.

**AB : Baiklah jadi kita ada tiga lagi soalan, seterusnya cara untuk kita nak pastikan ini sentiasa orang ingat, di ingati dan tak ditelan zaman?**

**RW :** Tak boleh jawab, macam mana. Sekarang ni, benda, pengaruh luar tu [itu] banyak sangat. Dia terbuka, bila terbuka dia jadi, nak buat cam mana tak boleh jawab cam [macam] mana nak buat tu. Kalau dulu kita buat pertandingan daley [dalam] kampung ja, tak ada benda lain dah, Cuma atas kita individu sendiri, individu boleh pilih sekarang nak apa. Nak jawab secara *total* [keseluruhan] tak boleh saya.

**AB : Jadi kita kan bergerak ke soalan yang terakhir lah soalan jadi apakah peranan anak muda Kelantan sendiri yang perlu dititik beratkan untuk mengekalkan warisan dikir barat n [ini], kalau kita nak semai dekat anak muda luar tak boleh tapis anak muda Kelantan macam mana kita nak titik beratkan untuk warisi dikir barat ni [ini]?**

**RW :** Setakat ini [ini] benda ni tak bermasalah lagi, dikir barat ni masih ada di mana-mana cuma tinggal lagi ada kejap, mati, tubuhkan lain pulak jadi masyarakat Kelantan ni masih lagi tak pupus la dikir barat ni tak pupus, masih macam cendawan selepas hujan, tumbuh naik baik, mati ada balik cuma masa covid



sebelum sebelum ni, tak ada masalah lah di Kelantan. Bila sebut Kelantan, budu dengan dikir barat serasi.

**AB : Okay dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Roby atau sepanjang kerjaya beliau menjadi ahli seniman dikir barat dan arti veteran dalam industri budaya Kelantan di Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Encik Roby untuk menyumbang dan menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni dikir barat terutamanya generasi muda yang memasang bidang untuk menceburi bidang ini. Harapan kami temubual ini dapat menyuntik semangat dan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus mengejar impian mereka dalam bidang ini. Sekian wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikumwarahmatullah hiwabarakatuh dan terima kasih.**

**TAMAT BAHAGIAN 7**

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 am – 10.00 am	8 Mei 2023	<u>Perbincangan mencari Tokoh</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencari tokoh yang menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh pensyarah.</li> </ul>	Menulis abstrak mengenai tokoh yang dipilih
2.26 pm	20 Mei 2023	Tokoh pertama yang dipilih ditolak kerana kekangan masa tokoh untuk ditemu bual.	Mencari tokoh yang lain dan menyediakan maklumat tentang tokoh tersebut.
11.00 a.m.	21 Mei 2023	<u>Perbincangan mencari tokoh yang kedua</u>	Menulis abstrak untuk tokoh yang kedua.
5.00 p.m.	1 Jun 2023	<u>Menyediakan proposal</u>	Membuat kajian awal mengenai tokoh.
10.00 a.m.	8 Jun 2023	<u>Membuat senarai soalan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Senarai soalan dibuat untuk memudahkan proses temubual dilakukan.</li> </ul>	Mencari maklumat tambahan berkenaan tokoh untuk diberikan kepada tokoh Salinan senarai soalan supaya tokoh melihat soalan-soalan yang bakal ditanya.
12.00 p.m.	10 Jun 2023	<u>Menghubungi tokoh yang kedua untuk membuat temujanji dengan tokoh</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghubungi tokoh untuk kali pertama dan menerangkan mengenai</li> </ul>	Menghubungi tokoh untuk kepastian tarikh dan juga masa.

		temubual yang bakal dilakukan.	
3.00 p.m.	20 Jun 2023	<p><u>Membuat temujanji</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi tokoh untuk membuat kepastian mengenai tarikh, masa dan juga soalan-soalan yang bakal ditanya semasa sesi temubual dilakukan.</li> </ul>	Menghubungi tokoh untuk kepastian dan tokoh bersetuju untuk ditemubual pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
9.30 a.m. – 11.46 a.m.	23 Jun 2023	<p><u>Sesi temubual berlangsung</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi temubual bersama tokoh berlangsung pada 23/07/2023 (Jumaat) 9.30 a.m. di rumah tokoh tersebut di Kampung Rengas Badak, Bachok Kelantan.</li> </ul>	Tarikh, masa dan tempat telah dipersetujui oleh tokoh.

**SENARAI SOALAN  
SEBELUM TEMUBUAL**

**BAHAGIAN 1 - LATAR BELAKANG TOKOH**

1. Apakah nama penuh Encik?
2. Boleh kami tahu, kenapa encik memilih Roby Wisma sebagai nama glamour encik?
3. Apakah nama gelaran Encik dikalangan ahli keluarga, rakan rakan?
4. Bilakah tarikh lahir Encik?
5. Dimanakah Encik dilahirkan dan dibesarkan?
6. Dimanakah Encik menetap sekarang?
7. Berapakah bilangan adik-beradik dan Encik merupakan anak yang keberapa?
8. Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit mengenai keluarga Encik secara ringkas?
9. Bolehkah Encik ceritakan sedikit tentang pasangan dan anak anak Encik, pada tahun berapakah encik telah mendirikan rumahtangga?
10. Adakah anak-anak Encik masih tinggal bersama atau telah berpindah dan menetap di luar?
11. Berapakah bilangan anak Encik dan bolehkah kami tahu nama anak anak Encik?
12. Adakah ibu bapa Encik masih ada? Jika ada, dimanakah tempat tinggal mereka Ketika ini? Jika sudah tiada, boleh saya tahu pada tahun berapakah mereka tiada?
13. Selain itu, apakah hobi kegemaran Encik Roby pada waktu lapang?
14. Adakah cita cita Encik sejak kecil sudah ingin menjadi seorang penyanyi atau lain?
15. Apakah prinsip hidup Encik Roby?

## BAHAGIAN 2 - LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

1. Baiklah, untuk bahagian seterusnya bagi latar belakang pendidikan Encik Roby, bolehkah Encik ceritakan sedikit tentang pendidikan awal? Seperti dimanakah Encik Roby menerima pendidikan di sekolah dan pada tahun berapa?
2. Adakah pendidikan dalam kalangan keluarga Encik penting? Jika ya, apakah perkara yang sering ditekankan tentang pendidikan?
3. Adakah Encik ada memegang sebarang jawatan semasa di peringkat sekolah rendah?
4. Bagaimanakah suasana pembelajaran dan kemudahan yang ada ketika zaman persekolahan Encik semasa di peringkat sekolah rendah?
5. Adakah Encik mempunyai guru kegemaran ketika di peringkat sekolah rendah atau menengah? Boleh Encik nyatakan mengapa?
6. Seterusnya, berkenaan dengan sekolah menengah, dimanakah sekolah menengah Encik Roby?
7. Pada tahun berapakah Encik Roby masuk ke sekolah menengah?
8. Adakah Encik mempunyai sebarang subjek kegemaran encik?
9. Adakah Encik Roby pernah menyertai sebarang aktiviti kokurikulum, kelab atau aktiviti lain di sekolah menengah encik?
10. Adakah Encik juga ada menyertai sebarang pertandingan yang berkenaan dengan muzik semasa peringkat sekolah?
11. Pernahkah Encik menjuarai sebarang pingat sepanjang zaman persekolahan Encik Roby?
12. Apakah kenangan manis yang paling diingati oleh Encik ketika di peringkat sekolah?

### **BAHAGIAN 3 - PENGALAMAN KERJAYA SEMASA**

1. Berdasarkan maklumat yang saya perolehi, saya dapati Encik Roby pernah bertugas di Jabatan Audit Negara Malaysia. Jadi, bolehkah saya tahu serba sedikit tentang perkara tersebut?
2. Apakah jawatan yang disandang oleh Encik Ketika bertugas di jabatan tersebut?
3. Berapakah umur Encik pada ketika itu?
4. Apakah tanggungjawab encik dan aktiviti yang berkait semasa encik bekerja?
5. Apakah pencapaian terbesar Encik ketika bertugas di Jabatan Audit Negara Malaysia?
6. Adakah sukar ketika Encik Roby bertugas sebagai Juruaudit disitu?
7. Apakah cabaran yang pernah dihadapi sepanjang bekerja di Jabatan Audit Negara Malaysia?
8. Adakah encik mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang bekerja di Jabatan Audit Negara Malaysia?
9. Selain itu, boleh encik ceritakan sedikit kerjaya sebelum yang encik pernah ceburi selain bekerja di Jabatan Audit Negara Malaysia?

#### **BAHAGIAN 4 - PENGALAMAN KERJAYA SEBAGAI SENIMAN DIKIR BARAT**

1. Bagi seksyen seterusnya, kami akan menanyakan Encik soalan berkenaan dengan pengalaman kerjaya Encik Roby, pada tahun berapakah Encik melibatkan diri dalam seni dikir barat?
2. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam seni dikir barat ini?
3. Mengapakah Encik ingin meneruskan kerjaya encik sebagai seniman dikir barat ini?
4. Pernahkah Encik Roby menghadapi tanggapan yang kurang baik daripada keluarga ataupun orang sekeliling ketika Encik menceburi diri di dalam bidang ini?
5. Dimanakah encik belajar kemahiran asas tentang tukang karut dikir barat ini?
6. Siapakah seniman dikir barat yang dikagumi oleh Encik Roby dalam persembahan dikir barat?
7. Sebelum ini adakah Encik Roby selalu menyertai sebarang pertandingan dikir barat?
8. Dimanakah dan bila kali pertama Encik mempersembahkan dikir barat di khalayak ramai?
9. Adakah Encik masih dijemput untuk membuat persembahan dikir barat? Jika ya, dimanakah antara lokasi yang selalu Encik pergi?
10. Adakah Encik Roby mempunyai mana-mana ahli keluarga atau saudara-mara yang mengikuti jejak langkah Encik Roby sebagai seniman dikir barat?
11. Apakah rahsia dan petua Encik Roby untuk terus kekal dalam bidang seni dikir barat sehingga sekarang?
12. Pernahkan Encik Roby diminta untuk menjadi guru atau mentor dalam seni dikir barat ini?
13. Apakah kenangan manis yang sepanjang encik melibatkan diri di dalam seni dikir barat ini?
14. Apakah perkara yang encik sangat menitikberatkan ketika ingin persembahkan dikir barat?
15. Boleh kami tahu siapakah yang sering mendorong encik untuk meneruskan menjadi seorang penggiat seni di dalam dunia Dikir Barat ini?
16. Adakah Encik berminat untuk menceburi bidang lain selain bidang kerjaya Encik sekarang?

17. Bagaimanakah Encik menyesuaikan diri dengan perubahan dikir barat masa kini dengan yang dahulu terutama sekali apabila adanya era digital seperti media sosial?



## BAHAGIAN 5 - SUMBANGAN/PENCAPAIAN

1. Menurut pencapaian encik, Pada tahun berapakah encik menerima anugerah Juara Dikir?
2. Boleh encik ceritakan bagaimanakah encik dapat menerima anugerah tersebut?
3. Menurut album Datuk Zul Wisma, yang encik pernah tulis dan mendapat sambutan, pada tahun berapakah encik melancarkan album tersebut?
4. Bagaimanakah encik melancarkan proses menyiapkan lirik lagu tersebut? Adakah encik bekerjasama dengan mana-mana pihak yang mempunyai minat yang sama seperti Encik Roby?
5. Terdapat beberapa lagu yang Encik Roby tulis di zaman muda encik dahulu seperti "Terkenang Kisah Dulu", "Hancur Luluhnya Hatiku" dan lain-lain, tetapi yang menarik perhatian saya adalah lagu "Cokek Mok Bolok". Jadi apakah maksud tajuk yang tersirat pada lirik "Cokek Mok Bolok" ini?
6. Tahun berapakah lirik lagu "Cokek Mok Bolok" ditulis?
7. Semasa lagu encik "Cokek Mok Bolok" dan bersama album Datuk Zul Wisma yang memuatkan lagu dikir barat sedang dipasarkan, bagaimanakah sambutan lagu tersebut?
8. Adakah dengan sambutan yang Encik perolehi ini memberikan lagi semangat tambahan kepada Encik untuk terus berkarya dalam bidang penulisan lirik?
9. Adakah encik bercadang menerbitkan lagi lagu?
10. Menurut kajian kami, encik pernah menjadi juri bagi pertandingan dikir barat peringkat kebangsaan RTM, boleh encik ceritakan kepada kami pengalaman encik?
11. Selain menjadi hakim bagi pertandingan dikir peringkat kebangsaan RTM tadi, adakah Encik pernah menjadi hakim bagi pertandingan atau majlis lain sepanjang penglibatan Encik di dalam dunia seni?

## BAHAGIAN 6 – CABARAN

1. Pernahkah encik hadapi permasalahan penubuhan kumpulan dikir barat?
2. Bagaimanakah Encik membahagikan cabaran masa antara bersama keluarga dengan kerjaya yang Encik minati ini?
3. Apakah cabaran terbesar yang dihadapi kumpulan Dikir Barat dalam memperkenalkan genre ini kepada khalayak yang lebih luas?
4. Adakah terdapat kesukaran dalam mengekalkan dan mewarisi tradisi Dikir Barat sambil mencipta kesegaran dan inovasi dalam persembahan mereka?
5. Bagaimana kumpulan Dikir Barat menguruskan jadual latihan dan persembahan yang padat, terutama apabila anggota kumpulan mungkin mempunyai komitmen lain?
6. Adakah kumpulan Dikir Barat menghadapi cabaran mendapatkan sokongan kewangan untuk merealisasikan projek dan persembahan mereka?
7. Bagaimana kumpulan Dikir Barat menghadapi persaingan dengan genre muzik lain yang lebih popular dalam masyarakat?
8. Adakah waktu pandemic dahulu telah memberikan kesan terhadap kerjaya encik seperti di dalam dikir barat, penulisan lirik atau persembahan lain yang encik lakukan?

## BAHAGIAN 7 - HARAPAN/PENDAPAT

1. Apakah harapan jangka pendek kumpulan Dikir Barat Encik dalam tahun-tahun akan datang?
2. Adakah kumpulan Dikir Barat mempunyai rancangan untuk menghasilkan album atau mewujudkan projek kreatif yang mengangkat imej Dikir Barat?
3. Apakah harapan kumpulan Dikir Barat dalam membina hubungan baik dengan peminat dan penonton mereka, serta mengembangkan komuniti penggemar yang kukuh?
4. Bagaimana kumpulan Dikir Barat berharap untuk mempromosikan budaya dan warisan mereka di peringkat nasional dan antarabangsa?
5. Adakah terdapat peluang yang diharapkan oleh kumpulan Dikir Barat dalam bentuk persembahan di acara pentas yang besar atau kerjasama dengan artis dari genre lain?
6. Apakah pendapat Encik tentang perbezaan dikir barat zaman dahulu dan kini?
7. Bagaimanakah cara untuk memastikan dikir barat ini sentiasa diingati dan tidak ditelan zaman?
8. Apakah peranan anak muda yang perlu dititikberatkan untuk mengekalkan warisan dikir barat ini?
9. Apakah pendapat encik terhadap penerimaan seni dikir barat ini bagi anak-anak muda sekarang?

## SEMASA TEMUBUAL

### BAHAGIAN 1 - LATAR BELAKANG TOKOH

1. Apakah nama penuh Encik?
2. Boleh kami tahu, kenapa encik memilih Roby Wisma sebagai nama glamour encik?
3. Apakah nama gelaran Encik dikalangan ahli keluarga, rakan rakan?
4. Bilakah tarikh lahir Encik?
5. Dimanakah Encik dilahirkan dan dibesarkan?
6. Dimanakah Encik menetap sekarang?
7. Berapakah bilangan adik-beradik dan Encik merupakan anak yang keberapa?
8. Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit mengenai keluarga Encik secara ringkas?
9. Adakah anak-anak Encik masih tinggal bersama atau telah berpindah dan menetap di luar?
10. Adakah ibu bapa Encik masih ada? Jika ada, dimanakah tempat tinggal mereka Ketika ini? Jika sudah tiada, boleh saya tahu pada tahun berapakah mereka tiada?
11. Dimanakah ibu Encik Roby berada sekarang?
12. Selain itu, apakah hobi kegemaran Encik Roby pada waktu lapang?
13. Adakah cita cita Encik sejak kecil sudah ingin menjadi seorang penyanyi atau lain?
14. Apakah prinsip hidup Encik Roby?

## BAHAGIAN 2 - LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

1. Baiklah, untuk bahagian seterusnya bagi latar belakang pendidikan Encik Roby, bolehkah Encik ceritakan sedikit tentang pendidikan awal? Seperti dimanakah Encik Roby menerima pendidikan di sekolah dan pada tahun berapa?
2. Adakah pendidikan dalam kalangan keluarga Encik penting? Jika ya, apakah perkara yang sering ditekankan tentang pendidikan?
3. Adakah Encik ada memegang sebarang jawatan semasa di peringkat sekolah rendah atau menengah?
4. Bagaimanakah suasana pembelajaran dan kemudahan yang ada ketika zaman persekolahan Encik semasa di peringkat sekolah rendah kalau dibandingkan dengan sekarang?
5. Adakah Encik mempunyai guru kegemaran ketika di peringkat sekolah rendah atau menengah? Boleh Encik nyatakan mengapa?
6. Adakah Encik mempunyai sebarang subjek kegemaran encik?
7. Adakah Encik juga ada menyertai sebarang pertandingan yang berkenaan dengan muzik semasa peringkat sekolah?
8. Apakah kenangan manis yang paling diingati oleh Encik ketika di peringkat sekolah?

### **BAHAGIAN 3 - PENGALAMAN KERJAYA SEMASA**

1. Berdasarkan maklumat yang saya perolehi, saya dapati Encik Roby pernah bertugas di Jabatan Audit Negara Malaysia. Jadi, bolehkah saya tahu serba sedikit tentang perkara tersebut?
2. Apakah jawatan yang disandang oleh Encik Ketika bertugas di jabatan tersebut?
3. Berapakah umur Encik pada ketika itu?
4. Apakah tanggungjawab encik dan aktiviti yang berkait semasa encik bekerja?
5. Apakah pencapaian terbesar Encik ketika bertugas di Jabatan Audit Negara Malaysia?
6. Adakah sukar ketika Encik Roby bertugas sebagai Juruaudit disitu?
7. Adakah encik mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang bekerja di Jabatan Audit Negara Malaysia?
8. Selain itu, boleh encik ceritakan sedikit kerjaya sebelum yang encik pernah ceburi selain bekerja di Jabatan Audit Negara Malaysia?

#### **BAHAGIAN 4 - PENGALAMAN KERJAYA SEBAGAI SENIMAN DIKIR BARAT**

1. Bagi seksyen seterusnya, kami akan menanyakan Encik soalan berkenaan dengan pengalaman kerjaya Encik Roby, pada tahun berapakah Encik melibatkan diri dalam seni dikir barat?
2. Pernahkah Encik Roby menghadapi tanggapan yang kurang baik daripada keluarga ataupun orang sekeliling ketika Encik menceburi diri di dalam bidang ini?
3. Siapakah seniman dikir barat yang dikagumi oleh Encik Roby dalam persembahan dikir barat?
4. Sebelum ini adakah Encik Roby selalu menyertai sebarang pertandingan dikir barat?
5. Adakah Encik masih dijemput untuk membuat persembahan dikir barat? Jika ya, dimanakah antara lokasi yang selalu Encik pergi?
6. Adakah Encik Roby mempunyai mana-mana ahli keluarga atau saudara-mara yang mengikuti jejak langkah Encik Roby sebagai seniman dikir barat?
7. Apakah rahsia dan petua Encik Roby untuk terus kekal dalam bidang seni dikir barat sehingga sekarang?
8. Apakah kenangan manis yang sepanjang encik melibatkan diri di dalam seni dikir barat ini?
9. Apakah perkara yang encik sangat menitikberatkan ketika ingin persembahkan dikir barat?
10. Pernahkan Encik Roby diminta untuk menjadi guru atau mentor dalam seni dikir barat ini?
11. Adakah Encik berminat untuk menceburi bidang lain selain bidang kerjaya Encik sekarang?
12. Bagaimanakah Encik menyesuaikan diri dengan perubahan dikir barat masa kini dengan yang dahulu terutama sekali apabila adanya era digital seperti media sosial?

## BAHAGIAN 5 - SUMBANGAN/PENCAPAIAN

1. Menurut pencapaian encik, Pada tahun berapakah encik menerima anugerah Juara Dikir? Juara dikir ni saya cuba nak fahamkan juara dikir?
2. Boleh encik ceritakan bagaimanakah encik dapat menerima anugerah tersebut?
3. Menurut album Datuk Zul Wisma, yang encik pernah tulis dan mendapat sambutan, pada tahun berapakah encik melancarkan album tersebut?
4. Bagaimanakah encik melancarkan proses menyiapkan lirik lagu tersebut? Adakah encik bekerjasama dengan mana-mana pihak yang mempunyai minat yang sama seperti Encik Roby?
5. Terdapat beberapa lagu yang Encik Roby tulis di zaman muda encik dahulu seperti “Terkenang Kisah Dulu”, “Hancur Luluhnya Hatiku” dan lain-lain, tetapi yang menarik perhatian saya adalah lagu “Cokek Mok Bolok”. Jadi apakah maksud tajuk yang tersirat pada lirik “Cokek Mok Bolok” ini?
6. Semasa lagu encik “Cokek Mok Bolok” dan bersama album Datuk Zul Wisma yang memuatkan lagu dikir barat sedang dipasarkan, bagaimanakah sambutan lagu tersebut?
7. Adakah dengan sambutan yang Encik perolehi ini memberikan lagi semangat tambahan kepada Encik untuk terus berkarya dalam bidang penulisan lirik?
8. Mengikut pencarian saya, encik ada terlibat dengan persatuan koperasi dikir barat ataupun persatuan dikir barat, boleh encik ceritakan sedikit tentang itu dengan jawatan yang encik sandang?



## **BAHAGIAN 6 - CABARAN**

1. Pernahkah encik hadapi permasalahan penubuhan kumpulan dikir barat?
2. Bagaimanakah Encik membahagikan cabaran masa antara bersama keluarga dengan kerjaya yang Encik minati ini?
3. Apakah cabaran terbesar yang dihadapi kumpulan Dikir Barat dalam memperkenalkan genre ini kepada khalayak yang lebih luas?
4. Adakah terdapat kesukaran dalam mengekalkan dan mewarisi tradisi Dikir Barat sambil mencipta kesegaran dan inovasi dalam persembahan mereka untuk pembaharuan?
5. Adakah waktu pandemic dahulu telah memberikan kesan terhadap kerjaya encik seperti di dalam dikir barat, penulisan lirik atau persembahan lain yang encik lakukan?

## **BAHAGIAN 7 - HARAPAN/PENDAPAT**

1. Apakah harapan jangka pendek kumpulan Dikir Barat Encik dalam tahun-tahun akan datang?
2. Apakah harapan kumpulan Dikir Barat dalam membina hubungan baik dengan peminat dan penonton mereka, serta mengembangkan komuniti penggemar yang kukuh?
3. Bagaimana kumpulan Dikir Barat berharap untuk mempromosikan budaya dan warisan mereka di peringkat nasional dan antarabangsa?
4. Bagaimanakah cara untuk memastikan dikir barat ini sentiasa diingati dan tidak ditelan zaman?
5. Apakah peranan anak muda Kelantan sendiri yang perlu dititikberatkan untuk mengekalkan warisan dikir barat ini?

# LAMPIRAN



## LAMPIRAN 2



Gambar 2: Gambar Bersama Encik Roby Wisma

# INDEX

## A

Aktiviti	7, 19, 40, 41, 57, 58, 66
Aktif	24, 35, 37, 40, 41
Akhirnya	3, 17, 18, 34, 38, 40, 43
Alih	36
Asean	20
Asas	16, 17, 27, 59

## B

Baru	5, 6, 18, 25, 26, 33
Beza	12, 34, 36, 48, 63
Biarlah	9, 41, 45
Bergiat	37
Berpecah	41
Berubah	10, 26, 34, 40, 50
Bersendirian	36
Bidang	26, 29, 31, 34, 41, 59, 61
Budaya	32, 34, 45, 46, 53, 63, 70

## C

Cukup	12, 26, 37
-------	------------

## D

Diberi	3, 40, 53
Dimana	4, 6, 10, 21, 29
Disiplin	32, 43

## G

Guru	8, 13, 14, 24, 26, 33
------	-----------------------

## H

Hidup	13, 32, 39
Hubungan	31, 50

## I

Idola	27
Industri	53
Inspirasi	53
Islam	44

## J

Jawatan	12, 17, 18, 40
Juri	28, 29

## K

Kesukaran	21, 47
Kerajaan	12, 17, 18, 19, 25
Kerjaya	16, 22, 24, 35, 44, 48, 53
Keluarga	3, 4, 5, 11, 26, 30, 39, 44

## M

Masyarakat	23, 26, 31, 52
Malaysia	5, 8, 10, 11, 16, 20
Manis	14, 22, 31, 32
Muzik	14, 30, 33, 45, 46, 50

## P

Pendidikan	10, 11, 14, 15
Persembahan	7, 8, 9, 20, 22, 24, 25, 27
Pertandingan	8, 14, 25, 27, 28, 29, 40
Pengalaman	2, 13, 16, 21, 22, 24, 35
Prinsip	9

## **S**

Sains 10, 11, 14  
Seni 2, 24, 27, 30, 31, 33, 35, 43  
Sumbangan 23, 36, 40, 41, 53

## **T**

Tanggungjawab 19, 40  
Tradisi 47

## **W**

Warisan 51, 52